

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Matric: 84 Ba
No. Perolehan: 70921
Tarikh: 12/84

PERSATUAN BELIA BIMBINGAN: SATU KAJIAN KES
MENGENAI PERSATUAN BELIA BIMBINGAN, ALOR SETAR, KEDAH

Oleh
Badariah bt. Ahmad
No. Matrik 40997

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi
University Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1984/85

SINOPSIS

Kajian ini ialah satu kajian kes yang melihat tentang penglibatan kaum belia di bidang pendidikan. Pengkaji juga melihat pada fakta-fakta tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh persatuan belia untuk memajukan golongan mereka sendiri. Tumpuan utama pengkaji ialah pada Persatuan Belia Bimbingan dengan melihat PBB sebagai sebuah organisasi. Pengkaji melihat pada latarbelakang penubuhannya, perlembagaan serta aktiviti yang dijalankan dan pengkaji kaitkan aktiviti mereka dengan aspek pembangunan. Pengkaji telah membincangkan soal ini dalam enam bab yang merangkumi perkara-perkara berikut.

Dalam bab pertama, pengkaji menyentuh tentang pengenalan, tujuan, bidang dan kepentingan kajian, kaedah penyelidikan serta masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan. Pengkaji juga membincangkan cara-cara penyelesaian terhadap masalah itu dilakukan.

Oleh kerana tumpuan kajian pengkaji ialah pada organisasi belia, maka dalam bab dua pengkaji telah membincangkan tentang konsep-konsep belia, pertubuhan sukarela, pendidikan dan pembangunan. Pengkaji telah memberikan definisi pada setiap konsep-konsep itu. Dalam bab ini juga pengkaji membincangkan tentang rancangan-rancangan yang dilakukan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan untuk para belia.

Di dalam bab tiga diuraikan beberapa aspek penting tentang latarbelakang tempat kajian, sejarah penubuhannya, perlembagaan dan tujuan penubuhan PBB, syarat-syarat kemasukan dan keahlian, konsep yang

diamalkan serta struktur pentadbirannya. Sebelum menyentuh soal ini, pengkaji terlebih dahulu membincangkan tentang institusi sekolah swasta di Alor Setar dan kemudian membandingkan sekolah swasta dengan PBB.

Pengkaji kemudiannya membincangkan tentang aktiviti PBB di dalam bab empat. Pengkaji membincangkan aktiviti mereka dari dua aspek iaitu kegiatan PBB di bidang pendidikan dan kegiatan PBB di bidang kemasyarakatan. Selain dari itu pengkaji juga melihat pada usaha-usaha yang dilakukan oleh PBB ke arah pembinaan Kompleks Akademi Rakyat.

Bab lima pengkaji terangkan tentang rancangan-rancangan masa depan PBB iaitu yang meliputi soal PBB sebagai sebuah organisasi sukarela. Pengkaji juga melihat kepada kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh PBB serta pendapatan dan perbelanjaan mereka.

Bab keenam atau bab terakhir merupakan rumusan yang dibuat oleh pengkaji berdasarkan data-data dan keterangan yang diperolehi membuktikan wujudnya beberapa masalah di dalam PBB. Akhirnya pengkaji memberi saranan-saranan agar masalah itu dapat diatasi. Di samping itu dalam bab ini juga pengkaji membincangkan sejauhmana belia-belia melibatkan diri dalam bidang pembangunan.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji dan syukur bagi Allah kerana dengan limpah kurnia dan hidayahnya menjadikan Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan. Di samping itu saya merakamkan sanjungan dan ucapan terima kasih kepada Penyelia saya iaitu Dr. Hussain Mohamed yang bersusah payah memberi tunjukajar serta juga memberi kritikan-kritikan yang membina sehingga dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Rakaman terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak di Persatuan Belia Bimbingan khasnya kepada Pengurus Persatuan iaitu Saudara Marduan Mohammad kerana membenarkan saya tinggal di asrama PBB secara percuma serta memberikan sepenuh kebebasan pada saya untuk menjalankan kajian. Juga tidak lupa saya ucapkan ribuan terima kasih pada Profesor Datuk Haji Shahnon Ahmad dan Saudara Abu Seman Awang yang telah memberi beberapa pandangan yang bernas dalam membantu saya menjalankan kajian.

Kepada Jamil Khir Mustaffa, Norlia Darus, Razali Tahirim, Noriah Ahmad, Noor Bashah Ahmad, Faridah Rashid, Latipah Isa, Che Yam Osman, Zulnaidah, Naimah, Mariam Jusoh, Hamidah, Hanisah dan Zurina, Azizah, Norizan dan Zaiton serta semua ahli-ahli I dan II juga kepada Mak Long, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas segala kerjasama dan pertolongan yang telah diberikan untuk menjayakan Latihan Ilmiah ini. Juga tidak lupa diucapkan terima kasih pada responden-responden

yang sanggup bekerjasama dan banyak membuang masa untuk saya semasa kajian ini dijalankan.

Saya juga mengucapkan terima kasih pada Encik Abdul Rashid Abu Bakar (Pegawai di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Alor Setar) dan juga kepada Encik Abdul Wahab Haji Hassan (Pegawai di Pejabat Pelajaran Kedah) di atas kesudian mereka memberi beberapa keterangan dalam usaha saya menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa rakaman terima kasih kepada Jurutaip saya 'Kak Hajjah' serta kawan-kawan Rosina, Zarina Zainal Abidin dan Zarina Ahmad. Juga untuk kawan-kawan di rumah No. 5 - Faizah, Zaini, Hasnah, Ros, Dell, Tee dan Zakiah yang sudi memberi beberapa pandangan dalam kajian saya ini. Akhirnya saya ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat (yang tak mungkin dapat saya catitkan semuanya) muga Allah jua yang memberkati setiap pertolongan yang diberikan itu.

Badariah Ahmad
No. Matrik 40997
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

15 Disember, 1984

DAFTAR KANDUNGAN

	Muka Surat
BAB 1 = LAYARISILAKU TERTATI KAJIAN	
SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	iii
DAFTAR KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 = PENGENALAN	1
1.1 Tujuan Dan Bidang Kajian	3
1.2 Kepentingan Kajian	5
1.3 Kaedah Penyelidikan	6
1.3.1 Pemilihan Sampel	7
a) Analisa Isi Kandungan	9
b) Pemerhatian Ikut Serta	10
c) Panduan Temuramah	11
d) Temubual Informal	12
1.4 Masalah Kajian	13
1.5 Kesimpulan Hanya Bepas FBI	15
BAB 2 = DEFINISI KONSEP	17
2.1 Belia	17
2.2 Pertumbuhan Sukarela	18
2.3 Pendidikan	21
2.4 Pembangunan	25

Muka Surat

2.5 Rancangan-rancangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Untuk Belia	32
---	----

BAB 3 • LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

3.1 Institusi Sekolah-sekolah Swasta di Alor Setar	38
3.2 Perbezaan PBB dengan Sekolah Swasta	40
3.3 Latarbelakang Tempat Kajian	42
3.4 Sejarah Penubuhan	46
3.5 Perlembagaan dan Tujuan Penubuhan PBB	47
3.6 Syarat-syarat Kemasukan dan Keahlian	51
3.7 Konsep-konsep yang diamalkan	58
3.8 Pentadbiran	62

BAB 4 • PBB SEBAGAI SEBUAH PERTUBUHAN SUKARELA

4.1 Aktiviti PBB	67
4.2 Kegiatan PBB di bidang Pendidikan	68
4.3 Kegiatan PBB di bidang Kemasyarakatan	73
4.4 Kompleks Akademi Rakyat	80

BAB 5 • PBB DAN RANCANGAN MASA DEPANNYA

5.1 Kejayaan-kejayaan PBB	87
5.2 Pendapatan dan Perbelanjaan PBB	92
5.3 Rancangan Masa Depan PBB	95
5.4 PBB Sebagai Sebuah Organisasi	97

BAB 6 • KESIMPULAN DAN PENUTUP

6.1 Penglibatan Belia Dalam Pembangunan Dari Aspek Pendidikan	103
6.2 Penutup	108

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Jumlah dan Jenis Sampel yang dipilih	8
2 Pecahan keahlian belia=belia dalam pertubuhan mengikut kaum (hingga tahun 1980)	32
3 Jumlah projek di Semenanjung Malaysia dan Bilangan Peserta	34
4 Penglibatan para belia dalam projek-projek yang dianjurkan oleh KKBS	36
5 Jumlah ahli PBB mengikut tahun kemasukan	54
6 Pembahagian ahli mengikut negeri=negeri (hingga April 1984)	56
7 Pembahagian ahli mengikut daerah-daerah dalam negeri Kedah (hingga April 1984)	57
8 Sebab-sebab Belia dari luar negeri Kedah menyertai PBB	58
9 Pencapaian akademik ahli PBB dalam STPM dari tahun 1977 hingga 1981	74
10 Pencapaian ahli=ahli PBB dari tahun 1970 = 1983	91
11 Pendapatan dan perbelanjaan PBB bagi sessi 1982/83 dari Januari hingga Julai 1983	94
12 Jumlah ahli II yang membayar yuran dari tahun 1977 hingga 1982	110

SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka Surat
1 Bangunan Persatuan Belia Bimbingan (tempat kajian dijalankan)	43
2 Bangunan Asrama II (asrama pelajar-pelajar perempuan PBB)	45
3 Pemandangan ketika "group duty" sedang menyediakan makan tengahari	78
4 Batu asas komplek Akademi Rakyat	85

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Organisasi Struktur Pentadbiran PBB	65
2	Gambaran Kasar Prestasi PBB Dalam Aspek-aspek tertentu Dari Tahun 1968 - 1982	113

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- 1 Geraf pendapatan dan perbelanjaan PBB bagi sesi 1982/83 dari Januari hingga Julai 1983
- 2 Taburan penduduk Melayu mengikut kumpulan umur dan jantina Semenanjung Malaysia 1970 dan 1980
- 3 Borang permohonan Menjadi ahli PBB
- 4 Borang Ikrar Calon
- 5 Borang persetujuan waris
- 6 Borang kebenaran pulang balik ahli-ahli PBB
- 7 Keratan-keratan akhbar tentang PBB

Keratankaruan membuktikan sebuah komuniti bagi masyarakat negara ini bermula ketika Konsertifan Kebudayaan Selia dan Selesa. Komuniti komuniti tersebut adalah merupakan lanjutan dari masyarakat yang telah dijalankan oleh Badan Perkhidmatan Selia di bawah Jabatan Kehajlian dan Sosial (sebelum Negara), Objektifnya ialah untuk memberi segala bentuk pandoan bagi membolehkan mereka menjadi individu-individu yang "economically progressive", "socially cohesive" dan "politically dedicated" beradalah dengan orang-orang dan prinsip-keluangan.

¹ Kira-kira 10% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah

BAB 1

PENGENALAN

Belia merupakan golongan yang penting yang dapat menentukan jatuhbangunnya sesebuah negara. Ini disebabkan mereka merupakan punca tenaga utama dalam membangunkan negara. Belia juga merupakan agen perubahan yang paling berkesan dalam masyarakat kerana belia menjadi perintis kepada sesuatu perubahan. Meskipun kaum belia kadang-kala menimbulkan masalah kepada negara misalnya soal pemberontakan atau tunjuk perasaan, dadah, kesakes jenayah dan sebagainya namun penglibatan belia dalam pembangunan negara tidak boleh diperkecikikan. Contohnya dalam Dasar Ekonomi Baru terdapat program untuk kaum belia bagi mengurangkan kadar pengangguran. Di sini dapat dilihat betapa kerajaan begitu mengambil berat tentang sumbangan kaum belia dalam pembangunan negara.

Kerajaan telah menuahkan sebuah kementerian bagi menyelarasikan segala hal ehwal belia iaitu Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Penubuhan kementerian tersebut adalah merupakan lanjutan dari usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Badan Perkhidmatan Belia di bawah Jabatan Kebajikan dan Sosial (sebelum Merdeka). Objektifnya ialah untuk memberi segala bentuk panduan bagi membolehkan mereka menjadi belia-belia yang 'economically progressive', 'socially cohesive' dan 'naturally dedicated' bersamaan dengan semangat dan prinsip Rukunnegara.¹

Kira-kira 60% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah

terdiri dari kaum belia. Sekarang ini terdapat berpuluhepuluh organisasi belia yang membantu menggerakkan aktiviti-aktiviti mereka. Pertubuhan ini ditubuhkan atas dasar sukarela dengan beberapa tujuan dan bentuk perjuangan. Ada yang menjalankan kegiatan untuk faedah masyarakat ada pula yang menjalankan kegiatan untuk faedah dan kepentingan ahlinya sahaja. Pendekata pertubuhan-pertubuhan ini bergerak secara yang tersendiri.

Sehingga tahun 1976, terdapat 26 buah pertubuhan belia kebangsaan yang bergerak memberikan khidmat sosial kepada masyarakat. Pertubuhan ini dapat dikategorikan kepada jenis-jenis tertentu berdasarkan kepada tujuan penubuhannya. Misalnya untuk tujuan keugamaan terdapat pertubuhan-pertubuhan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Majlis Belia Hindu, Pekerja Pemuda Kristian,

Di samping memperjuangkan semangat keislaman melalui satu pertubuhan ABIM juga memainkan peranan di bidang pendidikan dengan menubuhkan sekolah swasta iaitu Yayasan Anda. Selain dari ABIM sebuah lagi pertubuhan belia yang berperanan di bidang pendidikan ialah Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di mana ia bertujuan untuk meninggikan mutu pelajaran dan pendidikan di kalangan orang-orang Melayu. Di samping itu Pertubuhan Belia 4B pula mempunyai kepentingan di bidang ekonomi.

Pergerakan belia di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu peringkat persatuan daerah dan negeri. Di peringkat bawah terdiri dari kelab-kelab dan persatuanspersatuan. Peringkat

persatuan dan kelab ini pula bergabung untuk mengwujudkan peringkat daerah. Gabungan di antara peringkat-peringkat daerah ini akan membentuk pula pertubuhan belia di peringkat negeri.²

Persatuan Belia Bimbingan* adalah merupakan salah satu daripada berpuluhan-puluhan pertubuhan belia yang terdapat di Malaysia. Tujuan utamanya ialah di bidang pendidikan. Walau bagaimanapun terdapat sedikit kelainan jika dibandingkan antara PBB dengan lain-lain pertubuhan belia kerana ia merupakan sebuah pertubuhan belia yang agak terbatas di mana PBB tidak mempunyai cawangan samada di peringkat daerah atau negeri. PBB merupakan pertubuhan belia di peringkat tempatan (Alor Setar) sahaja.

1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk melihat penglibatan kaum belia di bidang pendidikan. Tumpuan kajian pengkaji ialah pada Persatuan Belia Bimbingan kerana ia merupakan sebuah pertubuhan belia tempatan yang bebas tetapi terkemuka sekurang-kurangnya bagi negeri Kedah dan ia bergiat secara kolektif dalam bidang pelajaran. Di samping itu kajian ini juga dijalankan bagi mendapatkan fakta-fakta tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh persatuan belia untuk memajukan gulungan mereka sendiri. Dengan adanya usaha dari persatuan belia akan lahir nanti segelenggan pemimpin yang dapat merancang, mengatur dan melaksanakan projek-projek untuk kepentingan ahli-ahli mereka dan masyarakat amnya.

Selain dari itu tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk

mendapatkan data-data yang menyeluruh tentang komuniti belia supaya dapat dijelaskan keadaan sebenar latarbelakang aktiviti mereka seperti latarbelakang tempat asal ahli, tingkat pencapaian di bidang pendidikan, pendapatan serta perbelanjaan persatuan dan sebagainya.

Pengkaji juga menjalankan kajian ini kerana ingin mengetahui dengan lebih terperinci dan melihat pada usaha-usaha yang dijalankan ke arah KAR (Kompleks Akademik Rakyat) yang akan menjadi lambang usaha PBB dengan konsep sukarela dan berdikari yang mereka amalkan.

Di samping itu dalam arus perubahan dan pemodenan yang dialami oleh sesebuah masyarakat maka ia yang sedikit sebanyak menimbulkan masalah pada kaum belia terutamanya masalah pengangguran. Ini mendorong penyertaan yang meluas di kalangan para belia, pelajar serta orang muda umumnya dalam mengadakan satu reformasi sesuai dengan cita-cita mereka. Oleh itu penyelidikan ini dijalankan untuk melihat bagaimana reformasi itu dilaksanakan. Pengkaji menumpukan kajian pada PBB kerana reformasi yang dijalankan oleh mereka adalah sesuai untuk menghapuskan masalah pengangguran iaitu menerusi pendidikan.

Bagi melihat usaha-usaha yang dijalankan oleh persatuan belia khasnya PBB untuk memajukan ahli-ahlinya pengkaji akan melihatnya dari dua aspek iaitu usaha-usaha PBB untuk kemajuan ahli dan juga usaha PBB yang melibatkan masyarakat. Dari sini pengkaji akan membuat nilai bagaimana usaha-usaha seperti ini dapat membantu ahli-ahli PBB meningkatkan prestasi mereka dan seterusnya menyumbangkan tenaga untuk pembangunan negara.

Selain dari itu pengkaji akan menjadikan faktor-faktor latarbelakang kehidupan di PBB sebagai bidang kajian pengkaji seperti soal kehidupan di asrama, keadaan kelas dan keadaan persatuan serta lain-lain faktor sosio-budaya dan juga faktor sosio-ekonomi yang bakal membentuk gaya hidup belia di PBB.

Pengkaji juga menjadikan soal penglibatan pertubuhan belia dalam pembangunan negara sebagai bidang kajian pengkaji. Ini adalah kerana di dalam zaman teknologi sekarang peranan kaum belia dalam bidang ekonomi, politik dan sosial tidak boleh diketepikan. Oleh itu pengkaji ingin melihat peranan mereka di bidang pembangunan ini dan tumpuan utama pengkaji ialah di bidang pendidikan kerana bagi pengkaji pendidikan merupakan akar umbi kepada kemajuan.

Di samping bidang kajian yang disebutkan di atas, pengkaji juga akan melihat latarbelakang penubuhan PBB, perlembagaan dan tujuan penubuhan PBB, syarat-syarat kemasukan dan keahlian, pentadbiran dan tugas-tugas ahli jawatankuasa pentadbir (AJKP) serta aktiviti-aktiviti mereka.

Dalam masa perbincangan pengkaji akan menganggap ahli-ahli PBB dalam satu kategori sahaja kecuali dalam beberapa hal (seperti dalam soal untuk membincangkan hubungan AJKP dengan ahli biasa dan sebagainya) pengkaji akan membandingkannya bagi memperlihat perbezaannya.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pertubuhan belia dengan tumpuan utama pada

PBB adalah merupakan satu usaha untuk meningkatkan lagi pengkajian di bidang pendidikan di kalangan generasi muda. Beberapa kajian yang dilakukan di negeri Kedah tidak banyak memberi perhatian tentang organisasi sukarela seperti ini. Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah yang melibatkan organisasi politik, organisasi ekonomi dan sebagainya. Oleh itu pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji organisasi sukarela yang menumpukan pada bidang pendidikan pula.

Penyelidikan ini dikira penting untuk dapat mencatatkan sejarah pertumbuhan dan perkembangan organisasi belia di negara keseluruhannya. Oleh kerana gulungan belia itu dikatakan sebagai bakal pewaris masa depan sesebuah masyarakat maka di samping pentingnya catatan demikian dibuat, hasil penyelidikan ini juga dapat memberikan analisa tertentu terhadap kegiatan, sumbangan serta pencapaian dan keistimewaan yang ada pada mereka. Moga dengan adanya penyelidikan ini maka sedikit sebanyak akan dapat membantu analisa yang dibuat tentang sumbangan belia untuk masa depan negara.

Pengkaji juga merasakan perlu mengkaji tentang organisasi ini kerana meskipun PBB belum dikaji oleh mana-mana pengkaji tempatan tetapi kesah tentang PBB sebagai sebuah organisasi sukarela sudahpun disiarkan dalam sebuah majalah di Filipina. Oleh itu pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji organisasi PBB supaya ia dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada bahan kajian tempatan.

1.3 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kas di mana

Pengkaji melihat sesuatu unit sosial itu secara keseluruhannya pada tahap mikro sebagai mewakili gambaran masalah pada tahap makro.

1.3.1 Pemilihan Sampel

Adalah tidak mungkin semua ahli=ahli PBB dan orang=orang yang terlibat dengan PBB dapat ditemui. Ini disebabkan tidak semua ahli PBB tinggal di PBB dan tidak semua mereka tinggal di Alor Setar. Selain dari itu faktor masa yang terhad (selama sebulan) menyebabkan pengkaji hanya memilih 40 orang ahli PBB sebagai sampel kajian. Pemilihan ini dibuat secara 'nonrandom'. Walaupun sampel yang dipilih ini kecil bilangannya namun pada pengkaji ianya mencukupi kerana jumlah yang kecil ini membolehkan pengkaji membuat kajian menyeluruh ke atas mereka,

Sampel=sampel yang dipilih itu dapat dibahagikan kepada 2 kategori iaitu ahli I (ahli yang masih menuntut di PBB) dan ahli II (ahli yang tidak lagi menuntut di PBB). Pengkaji memilih 20 orang ahli I sebagai sampel iaitu meliputi 10 orang lelaki dan 10 perempuan manakala bagi ahli II pengkaji memilih 13 orang ahli perempuan dan 7 orang ahli lelaki. Ini adalah kerana kebanyakan dari ahli II tidak tinggal di asrama, pengkaji cuma dapat menemui mereka semasa mereka datang pada hari Mesyuarat Agung Tahunan, Malam Perjumpaan Agung dan juga Minggu Haluan PBB. Oleh kerana mereka cuma datang sekejap sahaja ke PBB maka pengkaji memilih lebih banyak ahli perempuan di kalangan ahli II kerana mereka datang bermalam di asrama PBB dan kebetulan pula pengkaji juga dibenarkan tinggal di asrama selama sebulan.

Selain dari itu, pengkaji juga memilih 10 orang ahli PBB yang lain sebagai sampel yang terdiri dari 5 orang ahli jawatankuasa pentadbir dan 5 orang bekas AJKP. Pemilihan 5 orang AJKP ini dilakukan berdasarkan kepada 5 jawatan yang pengkaji anggap penting iaitu Pengurus, Naib Pengurus I, Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa Pelajaran manakala bagi bekas AJKP, pemilihan dibuat secara arbitrerai iaitu pengkaji menemubual sesiapa sahaja bekas AJKP yang datang ke PBB semasa pengkaji menjalankan kajian.

Jadual 1

Jumlah dan Jenis Sampel Yang Dipilih

Jenis Ahli	Lelaki	Perempuan
Ahli I	10	10
Ahli II	7	13
AJKP	5	-
Bekas AJKP	5	-
Jumlah	27	23

Walaupun AJKP dan bekas AJKP juga merupakan ahli II PBB tetapi pengkaji sengaja membahagikannya dan mengkategorikannya lain dari ahli II kerana pengkaji ingin melihat dan mendapat maklumat tentang pentadbiran dari mereka, bukan setakat sebagai ahli biasa sahaja. Pemilihan 5 orang lelaki dalam AJKP adalah secara kebetulan kerana kelima-lima jawatan yang pengkaji anggap penting dipegang oleh kaum lelaki. Begitu juga dengan pemilihan 5 orang bekas AJKP kerana

kebetulan selama sebulan pengkaji jalankan kajian di PBB cuma ahli lelaki yang pernah menjadi AJKP sahaja yang datang menjenguk PBB (masalah ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab penutup).

Untuk mendapatkan data pengkaji telah menjalankan kajian selama sebulan iaitu bermula pada 31hb. Mac 1984 hingga 30hb. April 1984. Kajian dijalankan dengan agak intensif iaitu meliputi siang dan malam (kerana pengkaji dibenar tinggal di asrama) dan melihat dari berbagai sudut. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa menggunakan berbagai kaedah dan antara kaedah penyelidikan yang dipilih ialah:

a) Analisa Isi Kandungan (Content Analysis)

Analisa isi kandungan merupakan satu teknik pungutan data di mana pengkaji akan mengupas dan menganalisa isi kandungan bahagian kajian. Untuk mendapatkan data bagi kajian ini pengkaji bergantung kepada beberapa laporan tahunan, risalah-risalah, laporan minit mesyuarat, rekod-rekod rasmi, buku laporan mesyuarat agung dan laporan-laporan akhbar.

Disebabkan kajian ini merupakan satu kajian sosiologi di mana iaanya didasarkan kepada 'case study approach' maka penggunaan kaedah 'library research' digunakan kerana pendekatan kajian begini sering menghendaki pengesahan perkembangan satuse-satu objek sosial yang dikaji itu. Demikian halnya dengan kajian di PBB di mana digunakan corak 'expost-facte'. Tentu sekali ini memerlukan penggunaan perpustakaan untuk mendapatkan data-data asli bersabit dengan bidang kajian yang dijalankan.

Selain dari itu pengkaji juga menganalisa isi kandungan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan belia seperti kertas-seminar, laporan tahunan kegiatan belia dan laporan dari agensi agensi kerajaan termasuk laporan Rancangan Malaysia Ketiga.

b) Pemerhatian Ikut Serta (Participant Observation)

Kaedah ini adalah kaedah utama bagi memungut data kelakuan 'non-verbal'. Dalam masa menjalankan kajian, pengkaji dibenarkan tinggal di asrama tempat kajian selama sebulan. Dalam masa tinggal di asrama itu, pengkaji telah berkesempatan bergaul mesra dan menjalani 'routine' hidup yang dilalui oleh ahli-ahli PBB. Sesuatu yang membanggakan pengkaji ialah dengan diberi peluang tinggal di situ, membolehkan pengkaji untuk membuat pemerhatian peribadi akan segala perkembangan yang berlaku khususnya bagi jangkamasa sebulan di mana pengkaji terlibat secara rapat.

Secara kebetulan sekali semasa pengkaji membuat kajian, banyak aktiviti tahunan yang dijalankan menyebabkan pengkaji juga menyertainya. Antara aktiviti yang pengkaji turut serta ialah menghadiri Malam Perjumpaan Agung Tahunan di mana majlis ini diadakan 2 tahun sekali. Malam ini merupakan majlis ramah mesra dan kenalmengenal antara ahli lama dan ahli baru. Jadi dalam majlis seperti ini pengkaji mengambil peluang untuk berkenalan secara rapat dengan ahli-ahli PBB. Di samping beramah mesra dengan mereka, pengkaji mengambil kesempatan pada malam seperti ini untuk menemuramah dengan beberapa orang ahli lama (ahli II) terutamanya mereka yang tinggal jauh dari Alor Setar.

Pengkaji juga turut serta dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai

pemerhati, menghadiri majlis taklimat yang diadakan pada ahli baru, mengikuti minggu haluan PBB (minggu suaikenal/minggu orientasi), mengikuti lawatan ke tapak KAR (Kompleks Akademi Rakyat) dan melihat perkembangan tapak KAR serta juga menghadiri kelas-kelas, ceramah-ceramah dan majlis debat yang diadakan. Pendekata selama sebulan tinggal di situ pengkaji benar-benar menyertai segala aktiviti yang dijalankan dari pagi hingga ke malam.

Dengan menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta ini membolehkan pengkaji melihat dan mengalami sendiri segala bentuk kegiatan yang dijalankan oleh PBB dan sebarang pergerakan ini pengkaji rekodkan dalam buku catitan agar segala maklumat yang didapati tidak tertinggal.

c) Panduan Temuramah (Interviewing Guide)

Pengkaji juga menggunakan kaedah ini dalam menemuramah responden-responden selain dari dua kaedah yang disebutkan di atas. Pengkaji menyenaraikan topik-topik yang hendak ditanya dan soalan yang dikemukakan itu bersifat "unstructured" () iaitu pengkaji tidak menetapkan jawapan-jawapan dalam setiap soalan yang dikemukakan. Pengkaji memilih kaedah ini kerana responden-responden tidak tinggal berselerak sebaliknya tinggal dalam komuniti.

Kaedah ini digunakan ketika pengkaji menemuramah ahli-ahli I dan ahli-ahli II serta ketika menemurah AJKP. Ini pengkaji lakukan dengan berjumpa seorang demi seorang dengan mereka (khasnya di waktu mereka lapang). Tiap-tiap seorang itu pengkaji mengambil masa antara

20 - 30 minit untuk menyelesaikan semua pertanyaan. Dalam masa temuduga ini ada kalanya pengkaji tidak mengikuti panduan temuramah ini terutamanya bila ada persoalan-persoalan atau maklumat lain yang dikenyatakan atau ada perkara-perkara yang pengkaji rasa boleh ditanya berdasarkan dari jawapan-jawapan mereka.

Pengkaji memilih kaedah ini kerana pengkaji tidak perlu membuang masa menanti soalselidik dipulangkan (jika kaedah soalselidik digunakan), sebaliknya dengan menggunakan kaedah panduan temuramah ini analisa atau penyemakan jawapan-jawapan dapat dibuat dalam masa 24 jam sebab biasanya bahan ini masih segar dalam ingatan pengkaji. Pengkaji juga tidak mengalami masalah terlupa sebab segala temuduga adalah dirakamkan.

d) Temubual Informal/Perbualan-perbualan

Kaedah ini diguna untuk melengkapkan dan membenarkan maklumat-maklumat yang diperlukan yang tidak dapat dipenuhi oleh 3 kaedah yang boleh dinyatakan tadi. Ianya lebih merupakan kaedah yang melibatkan komunikasi langsung antara penyelidik dengan subjek (responden). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temubual informal iaitu membenarkan responden bercakap secara bebas dan pengkaji secara longgar membataskan menyebut perkara-perkara yang perlu disentuh. Ini pengkaji lakukan dengan menggunakan kaedah "schedule" (iaitu satu siri soalan-soalan yang ditanya).

Pengkaji menggunakan kaedah ini semasa berbual-bual dan

berkenal mesra dengan responden, semasa berihat-rihat dengan responden dan juga di mana-mana sahaja bila difikirkan perlu. Kaedah ini juga pengkaji gunakan di waktu berbual-bual dengan penjaja kuih yang datang berjaya di PBB dan juga semasa berbual-bual dengan orang-orang yang tinggal di sekitar kawasan PBB.

1.4 Masalah Kajian

Sebagai satu kajian kes, pengkaji telah menghadapi berbagai masalah ketika menjalankan kajian. Misalnya dengan menggunakan kaedah analisa isi kandungan (content analysis) masalah yang pengkaji hadapi ialah untuk mendapatkan rekod-rekod kerana ada di antaranya yang tidak dibenarkan kerana ianya dikatakan sulit. Di samping itu maklumat-maklumat mengenai organisasi PBB di peringkat awal juga amat berkurangan kerana tidak ada dalam simpanan mereka. Ini menimbulkan kesukaran pada pengkaji untuk menganalisa maklumat awal organisasi PBB. Gambaran awal tentang PBB cuma pengkaji dapati dari cerita-cerita Profesor Datuk Shahnon Ahmad yang merupakan pengasas kepada PBB. Masalah ini menyebabkan analisa yang dilakukan oleh pengkaji tidak menyeluruh.

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapatkan ahli II kerana kebanyakan dari mereka tidak tinggal di PBB lagi meskipun mereka masih menjadi ahli. Malah ada di antaranya yang tidak diketahui langsung oleh PBB di mana dan apa yang mereka lakukan (akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh PBB).

Sebagai sebuah pergerakan sukarela, kebanyakan daripada Ahli Jawatankuasa Pentadbir seperti Pengurus PBB adalah terdiri dari mereka yang mempunyai pekerjaan tetap. Jadi sukar bagi pengkaji untuk menemui mereka selalu. Untuk mengatasi masalah ini maka pengkaji telah sedaya-upaya menemui ahli II seramai mungkin pada waktu mereka datang menghadiri Majlis Makan Malam Tahunan dan pada masa Mesyuarat Agung Tahunan. Ada juga di antara ahli II yang terdiri dari mahasiswa universiti, jadi pengkaji menemui mereka pada masa mereka datang memberi bimbingan dalam masa cuti universiti. Untuk menemui AJKP pula pengkaji lakukannya pada sebelah malam dan pada hari minggu.

Selain dari itu pengkaji juga menghadapi masalah masa yang terhad. Pengkaji cuma dibenarkan tinggal di asrama PBB selama sebulan sahaja iaitu pada April 1984. Jadi dalam masa sebulan inilah pengkaji terpaksa melihat dan mengkaji berbagai aspek di PBB seperti soal latarbelakang penubuhan, perlembagaan, undangan-undangan, kemasukan, keahlian, 'routine' hidup mereka, aktiviti-aktiviti PBB, hubungan antara ahli dan sebagainya. Di samping itu dalam masa sebulan ini juga pengkaji terpaksa menemuramah responden yang terdiri dari berbagai kategori. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa menjalankan sesuatu kajian itu dengan pembahagian masa yang teliti.

kemujuran
Soal kejujuran dari responden juga merupakan satu masalah kepada pengkaji. Kemungkinan keterangan yang diberi oleh responden tidak tepat kerana mungkin responden tidak tahu jawapan sebenar pada soalan yang ditanya atau mungkin responden sengaja memberi keterangan-

keterangan yang tidak berapa betul demi untuk menjaga nama baik persatuan mereka. Oleh itu pengkaji terpaksa membuat satu rumusan iaitu dengan membandingkan semua jawapan dari responden dan jawapan yang paling banyak sekali dijawap oleh responden yang pengkaji terima. Perkara ini pengkaji bandingkan pula dengan kajian pengkaji seperti menerusi pemerhatian untuk mendapatkan jawapan yang sebenar.

NOTAKAKI

1. Laporan Jawatankuasa Khas Kajiselidik mengenai belia, Majlis Belia Malaysia 1975. (m.s. 1)

2. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan • Youth Services in Malaysia, K.L. 1975 (m.s. 3)

* Pengkaji akan menggunakan huruf rengkas PBB dalam memperkatakan tentang Persatuan Belia Bimbingan dalam perbincangan-perbincangan seterusnya.

BAB II

DEFINISI KONSEP

Golongan belia sebagaimana yang diketahui oleh kebanyakan orang merupakan kumpulan yang dapat mencerminkan banyak daripada nilai-nilai, aspirasi dan penumpuan daripada masyarakat yang besar. Pengaruh dan kedudukan mereka amat penting terhadap dasar serta usaha kerajaan bagi menjamin kesejahteraan dan corak hidup rakyat di masa hadapan. Mereka merupakan golongan yang produktif, idealistik dan bakal pemilik masa depan masyarakat. Belia boleh digerakkan dan digunakan dalam semua aktiviti kemasyarakatan dan kemanusiaan. Oleh itu golongan belia dapat dikatakan sebagai satu sumber daya manusia (human resource) untuk pembangunan. Walau bagaimanapun, golongan belia juga sering dikaitkan dengan soal-soal kenakalan remaja seperti kes dadah, peras ugut, merompak, merogol dan sebagainya. Selain dari itu kaum belia juga selalu dikaitkan dengan soal-soal pemberontakan dan tunjuk perasaan. Demokrasi pelajar-pelajar universiti berkaitan dengan isu 'Baling' pada tahun 1974 merupakan satu contoh yang menggambarkan bagaimana agresifnya jiwa kaum belia.

Kedua-dua hal ini (sumber pembangunan dan masalah sosial) merupakan dua aspek dari satu perkara tunggal iaitu soal pembinaan generasi muda. Oleh itu perlu ada pergerakan di kalangan belia yang serius dan bertanggungjawab, bukan sekadar mengisi kekosongan waktu dengan aktiviti-aktiviti sosial semata-mata. Gerakan belia harus ditingkatkan agar dapat merupakan satu kekuatan bagi menghasilkan aspirasi

dan cita-cita murni masyarakat dan negara. Para belia sewajarnya dapat menentukan agar mereka tidak digunakan untuk mana-mana kepentingan selain dari usaha-usaha bagi menghasilkan cita-cita murni dalam perjuangannya. (sebelum dilihat lebih lanjut tentang perjuangan dan peranan kaum belia, pengkaji akan bincangkan dulu apakah yang dikatakan belia, pertubuhan sukarela, pendidikan dan pembangunan).

2.1 Belia

Louis A. Gomez dan Lucia Rebeiro dalam buku mereka 'Youth Participation in Development Process'¹ mengatakan belia sebagai satu konsep yang kompleks dan 'illdefined' (sesuatu yang tidak dapat diterangkan dengan tepat).

Peter K. Manning dan Marcello Truzzi² pula mengatakan belia sebagai 'a timely topic' (perkara yang disesuaikan dengan keadaan) yang boleh dikaji dan ditafsirkan dari beberapa kaedah dan disiplin.

Konsep belia pada umumnya dapat didefinisikan sebagai orang-orang yang di dalam peringkat umur 12 - 35 tahun. Kamus Dewan³ mendefinisikan belia sebagai 'orang muda' iaitu peringkat di antara golongan kanak-kanak dengan orang dewasa dan tua. Jadi yang dipentingkan di sini ialah soal umur dan biologi. Di Malaysia belia dikatakan golongan dalam lingkungan umur 15 - 30 tahun. Sebenarnya jangkamasa peralihan dari seorang belia menjadi dewasa tidak ditentukan dalam mana-mana masyarakat.

Menurut tafsiran Bangsa-Bangsa Bersatu, belia merangkumi mereka yang berumur antara lingkungan 16 - 25 tahun.

Ahli Psikologi kebanyakannya mengatakan bahawa tahap belia adalah merupakan 'a transitional stage' antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Peringkat di mana terdapat banyak konflik dan ketegangan ke atas fizikal individu dan pengembangan budaya dan ianya mempunyai tanggungjawab, kebebasan terhadap galungan dewasa. Peringkat ini adalah peringkat yang paling sukar sekali dan terdapat banyak masalah.

"He intended to underscore what he felt were the central attributes of this age group: dependence, prepubescence, sexual learning, and pre-legal preparation for responsible social roles"⁴

Para Anthropologi mendefinisikan belia sebagai galungan peringkat peralihan di antara masa kanak-kanak (childhood) dan masa kedewasaan (adulthood) iaitu masa keremajaan (adolescence) di mana waktu ini biasanya berlaku sifat-sifat fizikal (biological growth) dan peringkat di mana individu menghadapi masalah penyesuaian yang tertentu.

Bennet M. Berger pula mengatakan bahawa galungan belia mempunyai ciri-ciri tingkah laku golongan atau kumpulan yang inginkan keriangan (hedonism), bersuara (expression) dan tidak ada tanggungjawab sehingga mana mereka seringkali bersifat 'defensive' biarpun ada kalanya juga 'over active' terhadap sesuatu tindakan yang mereka lakukan.⁵ Di sini dapat dilihat bahawa ciri-ciri tingkah laku diambil kira dalam mengategorikan golongan belia di mana mereka mempunyai ciri-ciri tingkah laku sosial yang berbeza dari apa yang ada pada golongan kanak-kanak dan juga orang dewasa.

Definisi belia dilihat dari segi psikologi mahupun dari segi sosial. Akta Pertubuhan (Societies Act) (di mana persatuan belia didaftarkan di bawah akta ini) juga tidak memberikan had umur tertentu untuk satuse-satu pertubuhan belia. Walau bagaimanapun di dalam Deraf Perlembagaan Majlis Belia Negeri yang bergabung dengan Majlis Belia Malaysia (MBM)^{*} iaitu pada fasal VI, Bahagian 2(d) telah dicatitkan bahawa syarat menjadi ahli ialah dari mereka yang berumur di antara 18 - 35 tahun, tetapi ukuran yang lebih tepat digunakan ialah dari sifat dan sikap yakni golongan yang mempunyai idealisme serta mahu melihat perubahan dan pembaharuan cepat bagi mencapai satu keadaan yang lebih sempurna.⁶ Ini bermakna tafsiran belia itu bukan saja terletak pada had umur tertentu dan juga bukan kepada unsur-unsur biologi tetapi yang lebih dipentingkan ialah kepada sikap dan amalan-amalan mereka.

Daripada definisi-definisi tentang konsep belia yang dinyatakan tadi maka pengkaji membuat satu kesimpulan bahawa amat sukar sekali untuk menentukan dengan tepatnya dari peringkat mana hingga ke peringkat mana sesuatu golongan itu dikatakan belia. Rumusan yang pengkaji buat dan akan digunakan dalam perbincangan ini seterusnya ialah belia merupakan satu generasi yang mencakupi golongan remaja, pemuda dan mungkin juga orang dewasa iaitu semua yang berada dalam kategori 'childhood' dan 'adolescence' sebelum mereka memasuki 'adulthood' yang mantap. Selagi orang dewasa itu terlibat dengan aktiviti belia maka selagi itulah ia pengkaji golongkan dalam golongan belia.

2.2 Pertubuhan Sukarela (Voluntary Associations)

Pertubuhan Sukarela merupakan satu kumpulan yang diselenggarakan untuk memenuhi satu atau beberapa kepentingan.

Stephen A. Douglas dan Paul Pederson mengatakan Voluntary Associations itu sebagai,

"they hold, respectively, that men join together because they share values and interests and that men join together because they will benefit from association"7.

Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi telah memberi kebebasan berpersatuan (freedom of association) pada rakyatnya untuk menujuhkan organisasi atau pertubuhan sukarela dalam berbagai bentuk dan jenis.

Di kalangan masyarakat simple konsep pertubuhan sukarela adalah ditujukan kepada satu pertubuhan yang dianggotai oleh beberapa individu dengan tujuan-tujuan tertentu khasnya untuk tujuan keselamatan dan pentadbiran. Pertubuhan-pertubuhan di masa itu didasarkan pada kasta, kumpulan ethnik, kampung serta juga pada status yang diwarisinya. Tetapi pada masa ini pertubuhan-pertubuhan sukarela tidak lagi didasarkan pada kriteria-kriteria yang disebutkan di atas, sebaliknya ia lebih pada kepentingan ekonomi (walaupun ada kekecualiannya) dan sesiapa juga boleh menjadi ahli asalkan matlamat perjuangan persatuan adalah sama seperti apa yang dikehendakinya.

bahawa Voluntary Association itu ialah,

"satu kumpulan orang-orang yang menubuhkan sesebuah pertubuhan dengan mempunyai kepentingan tertentu, keanggotaannya adalah secara sukarela dan wujud secara bebas"⁸.

Ini bermakna pertubuhan sukarela merangkumi gereja, firma-firma perniagaan, sekolah persendirian, koperasi dan parti-parti politik. Walau bagaimanapun di Malaysia sesebuah pertubuhan sukarela hanya menerangkan semua pertubuhan belia dan lain-lain organisasi sukarela yang kebanyakannya bergantung pada keahlian, tidak termasuk parti-parti politik dan firma-firma perniagaan.

Fungsi pertubuhan sukarela adalah selaras dengan bentuk sosial yang wujud dan ia akan berubah mengikut perubahan sosial masyarakat. Misalnya bagi masyarakat simple yang mana teknologinya rendah dan kegiatan ekonomi mereka adalah berburu 'association' dibentuk untuk memudahkan kegiatan memburu dilakukan. (Masyarakat ini pergi berburu di dalam satu kumpulan dan hasilnya dibahagi kepada ahli-ahli kumpulan itu). Di kalangan masyarakat maju yang mana teknologinya tinggi maka persatuan juga diwujudkan atas dasar kepentingan ekonomi walaupun berbeza dengan masyarakat simple. Kesatuan dalam masyarakat maju bercorak 'multipurposes'. Contohnya Kesatuan Sekerja (Trade Union), di samping menjadi saluran antara pekerja dan majikan ia juga merupakan satu cara untuk menghadapi keadaan-keadaan dharurat di kalangan ahli-ahlinya iaitu ketika ditindas oleh majikan, ketika menuntut kenaikan gaji dan sebagainya. Ini disebut sebagai 'occupational

association⁹ yang kerap terdapat dalam masyarakat yang 'industrialised'.

David L. Sills mengatakan pertubuhan sukarela itu ialah "... an organized group of persons" yang mempunyai 3 ciri utama iaitu:

- a) ditubuhkan untuk memenuhi beberapa kepentingan bersama ahlinya
- b) keahlian adalah secara sukarela iaitu dalam erti kata ianya tidak diwajibkan dan tidak diperolehi melalui kelahiran atau warisan
- c) ia ditubuhkan tanpa bantuan kerajaan yakni bertaraf organisasi bebas.¹⁰

Sesebuah pertubuhan sukarela bagi Hsieh Jiam pula mengandungi ciri-ciri seperti berikut:

- a) ia adalah merupakan sebuah organisasi formal yang sengaja diasaskan oleh ahli=ahlinya untuk memenuhi matlamat tertentu
- b) keahlian adalah secara sukarela dan bukan dipaksa
- c) ia bukan merupakan sumber penghidupan yang asas bagi ahlinya
- d) ia adalah sebuah pertubuhan persendirian yang dimiliki oleh ahli=ahlinya sahaja
- e) Semua ahli dan pegawai yang dilantik di dalam pertubuhan itu tidak diberi gaji

f) ia wujud secara 'independently of the state'.

Ciri organisasi bebas tidak boleh diterima di Malaysia kerana adanya peraturan berkanun yang menghendaki apa saja organisasi sukarela didaftarkan penubuhannya dan mendapat pengesahan dari Pejabat Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang diperuntukan oleh Akta Pertubuhan (Societies Act). Pendaftaran ini wajib dilakukan dan selagi tidak disahkan wujud maka sebarang aktivitinya adalah dianggap tidak sah. Oleh itu dapat dikatakan bahawa pendaftaran ini merupakan salah satu dari aspek penting pada sesbuah pertubuhan sukarela iaitu kerasmian. Jadi dapat dikatakan bahawa pertubuhan sukarela di Malaysia adalah kumpulan organisasi sukarela formal di mana segala aktivitinya adalah bersifat rasmi mengikut aturcara yang diluluskan.

Selaras dengan ciri-ciri pertubuhan sukarela yang dinyatakan tadi maka PBB dapat digulungkan sebagai sebuah pertubuhan sukarela kerana ia merupakan sebuah organisasi yang diasaskan untuk mencapai matlamat ahli di bidang pelajaran. Ahli Jawatankuasa Pentadbirnya (AJKP) juga adalah terdiri dari ahli yang dilantik dengan suara terbanyak dalam mesyuarat agung tahunan. Mereka ini berkhidmat tanpa dibayar gaji.

Dalam sesbuah Pertubuhan Sukarela, bentuk dan strukturnya adalah lebih kurang sama iaitu di peringkat paling bawah ialah ahli-ahli biasa di mana mereka ini ada hak untuk memilih Ahli Jawatankuasa Pentadbir. Keahlian dalam Pertubuhan Sukarela biasanya ditetapkan had umur dan ada juga yang dikhaskan untuk satuesatu jantina misalnya Persatuan Pandu Puteri dikhaskan untuk kaum wanita sahaja. Selain dari

had umur dan jantina, tidak ada lagi syarat-syarat yang ketat untuk menganggotai sesebuah pertubuhan sukarela. Selagi seseorang itu sanggup membayar yuran maka selagi itu ia boleh menyertai Pertubuhan Sukarela.

2.3 Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu cara yang dapat dilakukan demi untuk mencapai pembangunan. Pendidikan sekurang-kurangnya mempunyai dua fungsi dalam pembangunan iaitu:

- a) Dari segi ekonomi = pendidikan harus menyediakan anggota=anggota masyarakat supaya boleh berdikari dan memenuhi keperluan=keperluan tenaga rakyat yang dikehendaki
- b) Dari segi sosial = pendidikan harus membentuk sahsiah (peribadi) individu supaya sebolehbolehnya sepadan dengan corak masyarakat yang hendak dibina

Brubacher mengatakan,

"education is the proces in which these powers (abilities, capacities) of man which are susceptible to habituation are perfected by good habits by mean of artistically contrived and employed by a man to help another or himself achieve the end in view (i.e. good habits)".¹¹

Pendidikan mempunyai beberapa tujuan tertentu. W.F. Connell mengatakan bahawa pendidikan itu mempunyai 3 tujuan iaitu:

- a) Pendidikan harus dicorakkan supaya dapat memberi setiap individu jenis pengalaman di mana melaluinya individu dapat mencapai ukuran pengawalan ke atas persekitarannya yang boleh dilakukannya bagi membolehkan individu menentukan matlamat hidupnya sendiri, dapat melahirkan fikirannya sendiri mengikut sumber yang ada pada dirinya serta yang ada pada komunitinya.
- b) Pendidikan juga bertujuan menghasilkan orang yang akan mempastikan bahawa tradisi kebudayaan komuniti yang hidup dapat dikekalkan di samping mendapatkan peluang bagi memperkayakannya.
- c) Pendidikan bertujuan mempastikan bahawa individu (anggota masyarakat) memahami secukupnya asas moral dalam kehidupan masyarakatnya di samping bekerjasama dengan mereka (anggota masyarakat) untuk membentuk semula pendidikan bagi faedah bersama.¹²

Pendidikan merupakan alat untuk membina semula matlamat sosial untuk mencapai modenisasi dan pembangunan. Pendidikan juga mempunyai bidang-bidang yang mencakupi aspek kemanusiaan (humanities) dan bertujuan supaya dapat menjalani hidup dengan lebih menyenangkan dan dapat menjadi warganegara yang lebih baik untuk kesejahteraan masyarakat. Selain dari itu pendidikan juga bertujuan untuk memupuk

perpaduan negara dan memenuhi keperluan tenaga manusia. Ini menyebabkan sistem pelajaran dibentuk untuk membolehkan rakyat melibatkan diri dalam pembangunan negara.

Malaysia memilih kekuatan teknologi dan kebudayaan untuk menimbulkan perubahan sosial. Jadi dalam rangka pilihan itu maka fungsi pendidikan yang bersifat "person-centered" dan "society-centered" sekaligus pada umumnya mencakup hal-hal seperti perkembangan sahsiah (peribadi) dan pembentukan keperibadian transmisi kebudayaan, integrasi sosial dan innovasi.

Negara-negara Asia semakin menyedari tujuan sosial dari pendidikan ialah untuk integrasi sosial, mematahkan struktur hierarki lama, mempersatukan masyarakat dan daerah dalam satu nation. Oleh itu pendidikan di kebanyakan negara Asia menekankan kepada memberi sumbangan dalam pembangunan nasional dan harus membantu dalam menciptakan pekerjaan "work-oriented education", memberi tentangan untuk memecahkan masalah-masalah seperti pendidikan umum yang diperlukan, pendidikan vokasional dan latihan kemahiran. Oleh itu pada pendapat pengkaji salah satu cara untuk mencapai pembangunan melalui pelajaran ialah dengan cara memperbanyak lagi pembukaan sekolah-sekolah memandangkan semakin hari semakin meningkatnya bilangan pelajarepelajar atau gulungan yang memerlukan pelajaran.

Dalam melaksanakan bidang pendidikan, manusia tidak dapat mengelak daripada haduhad yang ada di dalamnya seperti kata Philip H. Coombs,

"keterbatasan dunia pendidikan disebabkan oleh perpautan historis dari 5 faktor krisis pendidikan iaitu bertambahnya jumlah pelajar-pelajar, kurangnya sumber-sumber kewangan (material), ketinggian kos, keutuhan masyarakat yang tidak sesuai dengan masyarakat serta masalah kelembapan dan ineffisiensi dari sistem pentadbiran pendidikan".¹³

Perkara-perkara seperti inilah pada pendapat pengkaji akan menimbulkan apa yang dipanggil paradoks pendidikan iaitu di satu pihak pendidikan itu dianggap sebagai 'agent of change' tetapi di pihak lain terdapat kurangnya adaptasi pendidikan terhadap masyarakat.

Dalam penulisan ini seterusnya, pengkaji akan melihat konsep pendidikan ini sebagai 'agent of change'. Pengkaji akan melihat bidang pendidikan itu dari dua aspek berdasarkan pada aktiviti PBB iaitu pendidikan di bidang pelajaran (ilmiah) dan juga pendidikan dari aspek kemasyarakatan (seperti memasak, mengemas dan sebagainya yang dilakukan oleh ahli PBB serta pendidikan dalam pergaulan dengan masyarakat).

2.4 Pembangunan

Secara am pembangunan ditakrifkan sebagai usaha-usaha yang dilaksanakan mengikut perubahan-perubahan yang dirancang. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengistiharkan bahawa zaman selepas Perang Dunia Ke II sebagai dekat pembangunan.

"Each economic decision is also a political and social decision, for one cannot change the structure of the economy without changing the distribution of power (politics) or the relations between its citizens (society) because economics decisions have political and social consequences ...".¹⁴

Untuk melaksanakan pembangunan, ketiga-tiga bidang iaitu ekonomi, sosial dan politik mesti terlibat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mendefinisi-kan pembangunan sebagai,

"usaha-usaha perubahan yang bukan sahaja memenuhi kehendak kebendaan manusia tetapi juga memperbaiki keadaan hidup sosial manusia. Pembangunan bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga pertumbuhan serta perubahan dalam bidang sosial, kebudayaan, institusi-institusi dan juga ekonomi. Darjah kepuasan yang dapat diberi oleh proses ataupun objektif pembangunan ialah dengan cara meninggikan kemampuan masyarakat itu untuk mencapai dan melaksanakan perancangan pembangunan dengan lebih berkesan".

Sebenarnya pembangunan dapat dikatakan satu keseluruhan yang integrated dan bertujuan untuk memenuhi keperluan-keperluan rakyat yang berbagai-bagai. Semua keperluan ini tidak dapat dipenuhi dalam jangkamasa yang pendek. Pihak kerajaan mestilah melancarkan rancangan-rancangan pembangunan selaras dengan keperluan-keperluan utama atau 'immediate needs' terlebih dahulu. Usaha-usaha untuk meninggikan pendapatan, meninggikan taraf hidup, meninggikan taraf kesihatan serta memajukan pelajaran adalah termasuk dalam 'immediate needs' ini.

Gunnar Myrdal mengatakan bahawa pembangunan bagi sesebuah negara adalah peningkatan seluruh sistem masyarakat manusia di negara tersebut, bermakna pembangunan bererti pembangunan manusia di negara itu.¹⁵ Pembangunan sesebuah negara tidak bergantung pada banyaknya sumber alam tetapi adalah bergantung pada kecukupan dan kecekapan tenaga manusia yang terlatih di negara tersebut. Ini bermakna pembangunan tenaga

manusia adalah bergantung kepada pendudukan manusia itu sendiri. Bagi sesebuah negara membangun, rancangan pembangunannya tidaklah boleh dipisahkan daripada rancangan pendidikan kerana melalui pendidikan seseorang itu dapat menambah ilmu pengetahuannya, boleh membaiki taraf hidup, sanggup memupuk akhlak mulia dan mampu mengembangkan seni budayanya. Dengan itu dapat dikatakan bahawa pembangunan manusia itu adalah berpunca dari pendidikannya.

Rancangan-rancangan pembangunan di Malaysia adalah berdasarkan kepada program-program pembangunan yang tersusun dan terkandung dalam Buku Merah negara yang disediakan khas untuk tujuan-tujuan itu. Pelancaran rancangan-rancangan pembangunan ini adalah mengikut peringkat-peringkat tertentu yang ditetapkan dalam Rancangan Lima Tahun.

D. Seers dalam artikelnya 'The Meaning of Development' mengatakan bahawa pembangunan itu melibatkan dua proses iaitu pertumbuhan ekonomi dan pengagihan pendapatan. Menurutnya pembangunan boleh berlaku apabila terdapatnya 3 perkara iaitu:

- a) Kemiskinan
- b) Pengangguran
- c) Ketaksamarataaan¹⁶

Sebagai contohnya iaitu bila terdapat ramai bilangan belia yang tidak mendapat pelajaran yang tinggi maka peluang untuk mereka mendapat pekerjaan adalah amat kecil sekali. Ini menyebabkan ramai daripada gulungan belia yang menganggur dan akibat dari ini maka peratus kemiskinan akan bertambah. Jadi untuk mengatasi masalah ini pembangunan

harus dilaksanakan terutamanya kepada gulungan belia.

Dari sini kita dapat melihat bagaimana persatuan belia dapat memainkan peranannya dalam menjayakan rancangan pembangunan yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Usaha yang dirancang untuk gulungan belia adalah meliputi program-program seperti berikut:

- a) Membekalkan kemahiran di semua peringkat untuk belia-belia
- b) Membanyakkan peluang-peluang perniagaan dan perusahaan kepada belia-belia
- c) Membuka tanah untuk belia-belia
- d) Mengadakan kemudahan pinjaman kredit dan lain-lain
- e) Menggalakkan pelaburan untuk mengwujudkan pekerjaan

Jelas bahawa matlamat Rancangan Malaysia adalah tinggi dan memerlukan sokongan, kerjasama dan penglibatan dari semua pihak. Jentera kerajaan semata-mata tidak cukup untuk menghasilkan pencapaian matlamat ini. Umpamanya kerajaan boleh mengadakan rancangan-rancangan di atas tetapi sekiranya tidak ada penglibatan daripada belia-belia ataupun penglibatan itu tidak dengan secara positif maka sukarlah bagi rancangan-rancangan ini untuk berjaya. (Jentera kerajaan juga tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk memastikan kejayaan rancangan ini dari segi penglibatan). Di sinilah mustahak dan pentingnya peranan yang boleh dimainkan oleh organisasi belia yang

dapat menjadi penggerak dan pendorong kepada ahli=ahlinya supaya melibatkan diri dalam rancangan=rancangan yang telah diatur oleh kerajaan samada menerusi Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ataupun agensi=agensi yang lain.

2.5 Rancangan=rancangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Untuk Belia=belia

Kerajaan berpendapat penglibatan kaum belia dalam pertubuhan=pertubuhan adalah penting kerana tanpa menyertai pertubuhan, mereka tidak akan mempunyai pedoman, bimbingan dan sukar untuk ditentukan peranan mereka. Setakat tahun 1980 terdapat 700,000 belia yang berpertubuhan. Bilangan pertubuhan=pertubuhan belia hingga ini ialah 3,000.

Jadual 2

Pecahan Keahlian Belia=belia Dalam Pertubuhan Mengikut Kaum (hingga tahun 1980)

Kaum	Jumlah	Peratus
Melayu	366,230	53.2
Cina	157,012	22.8
India	106,243	15.4
Lain-lain	58,543	8.5
Jumlah	688,028	99.9

Sumber: Mohd. Wahiduddin Abd. Wahab e Seminar pemimpin=pemimpin belia Johor dan KKBS (1980) m.s. 3.

Dari jadual, menunjukkan bahawa belia Melayu lebih banyak menyertai pertubuhan=pertubuhan belia jika dibandingkan dengan kaum-

kaum lain. Ini mungkin disebabkan terdapatnya banyak peluang peluang penyertaan di kalangan orang Melayu. Misalnya terdapat pertubuhan-pertubuhan yang hanya menghadkan orang-orang Melayu sahaja untuk menjadi ahlinya seperti GPMS, ABIM. Walaupun ada juga pertubuhan belia yang sama (menghadkan ahli untuk satu golongan ethnik) di kalangan kaum lain seperti Majlis Belia Hindu dan Pekerja Pemuda Kristian tetapi bilangannya adalah kecil.

Menerusi pertubuhan belia, berbagai usaha telah dijalankan seperti mengadakan kursus kepimpinan, kursus sivik, khemah kerja, kursus ugama dan lain-lain bagi membentuk sikap belia-belia. Rancangan rancangan ini dilaksanakan dengan kerjasama seperti berikut:

- a) Kementerian sendiri menjalankan kursus ini dengan pertubuhan-pertubuhan belia menghantar peserta-peserta
- b) Pertubuhan belia sendiri menjalankan kursus dan Kementerian membantu dari segi kewangan untuk tambang, tempat tinggal serta mendapat penceramah-penceramah

Antara program-program ini, kursus kepimpinan dititikberatkan kerana kementerian berpendapat bahawa belia-belia memerlukan pemimpin-pemimpin yang dapat memberi pimpinan yang baik, cekap serta bertanggung-jawab. Pemimpin jugalah yang membentuk pemikiran belia-belia.

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan juga mengadakan program-program di bidang ekonomi iaitu meliputi soal pertanian,

perniagaan dan latihan.

a) Pertanian

Pertubuhan-pertubuhan belia digalakkan mengadakan projek-projek ekonomi seperti pertanian dan perniagaan dengan mengwujudkan projek-projek itu di kawasan masing-masing dan berusaha mendapatkan tanah yang tidak digunakan untuk projek-projek itu. KKBS memberi bimbingan dan bantuan meliputi bantuan dari segi alat-alat perkakas seperti pagar duri, "chain saw" dan lain-lain, bantuan benih, baja dan juga racun serangga. Hingga tahun 1980, pertubuhan-pertubuhan belia telah mengadakan 1,221 projek pertanian yang telah dapat memberi pekerjaan kepada lebih kurang 7,297 orang belia-belia.

Jadual 3

Jumlah Projek Di Semenanjung Malaysia
Dan Bilangan Peserta

Negeri	Bilangan Projek	Bilangan Peserta
Perlis	21	82
Kedah	413	654
P. Pinang	96	175
Perak	108	717
Selangor	95	770
N. Sembilan	90	326
Melaka	52	458
Johor	73	772
Pahang	144	978
Terengganu	51	1,471
Kelantan	78	894
Jumlah	1,221	7,297

Sumber: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Negeri Kedah.

Dari jadual 3 didapati bahawa Negeri Perlis mempunyai projek yang agak kecil bilangannya kerana kurangnya pertubuhan belia yang wujud di negeri itu dan juga kurangnya keluasan tanah terbiar yang boleh diusahakan. Ini berbanding dengan Terengganu di mana ia mempunyai 51 projek. Walau bagaimanapun bilangan peserta yang terlibat adalah tinggi iaitu 1,471. Ini adalah kerana Terengganu mahu mengurangkan kadar pengangguran di negerinya dan juga untuk mengelakkan penghijrahan dari terus berlaku.

b) Perniagaan

Di bidang perniagaan, pertubuhan belia digalakkan menjalani perniagaan samada secara syarikat ataupun secara koperasi. Mereka dibimbing mengisi peluang-peluang perniagaan kecil di kawasan masing-masing seperti jahit-menjahit, makan minum, gunting rambut dan sebagainya. Pegawai-pegawai kementerian menentukan peluang-peluang yang wujud dan mencadangkan kepada pertubuhan belia mengambil peluang-peluang ini. Bantuan dan bimbingan diberi dengan cara mengadakan alat-alat yang diperlukan serta kursus-kursus perniagaan untuk mereka.

c) Latihan

Pertubuhan belia juga digalakkan untuk membolehkan ahli-ahli mereka mendapat kemahiran tertentu untuk membolehkan mereka samada mendapat pekerjaan atau membuka perniagaan berasas pada kemahiran yang diperolehi. KKBS membantu mengadakan jurulatih-jurulatih yang dia perlukan bagi latihan-latihan tersebut. Setakat tahun 1980 terdapat 620 projek latihan kemahiran telah dijalankan yang melibatkan 6,634

belia.¹⁷

d) Perkhidmatan Masyarakat

Pertubuhan belia juga digalak melibatkan ahli-ahlinya dalam pertubuhan-pertubuhan kemasyarakatan. Antara rancangan-rancangan yang dijalankan oleh mereka ialah projek kesihatan seperti mengadakan tandas curah, projek anti dadah, projek gotong-royong membersih kawasan, membuat jalan, projek-projek untuk memupuk perpaduan seperti kebudayaan, sukan, kelas bimbingan kanak-kanak dan juga kelas bimbingan untuk 'school dropout'.

Jadual 4

Penglibatan Para Belia Dalam Projek-projek Yang Dianjurkan Oleh KKBS

Jenis Projek	Bilangan Projek	Bilangan Ahli
Kesihatan	99)	
)	
Gotong-royong	55)	49,235
)	
Perpaduan	795)	
Kelas bimbingan	1,182 dengan 5,214 murid	

Sumber: Mohd. Wahiduddin Abd. Wahab - dalam Seminar Pemimpin-pemimpin Belia Johor (1980) - m.s.7

NOTAKAKI

1. Luis A. Gomez de Souza and Lucia Ribeiro = Youth Participation in the Development Process: a case study in Panama, The UNESCO Press (1976), m.s. 4.
2. Peter K. Manning and Marcello Truzzi = Youth and Sociology, (1972) m.s. 1.
3. Kamus Dewan = Dewan Bahasa dan Pustaka (1970) m.s. 19.
4. Peter K. Manning and Marcello Truzzi = Op. cit. m.s. 3.
5. Youth Mobilization for development in Asian Settings = Asian Regional Youth Meeting (17 - 22 September 1978) m.s. 14.
6. Youth in the 1980's = UNESCO Press (1981), m.s. 17.
7. Stephen A. Douglas and Paul Pederson = The Development of Voluntary Associations in Malaysia, Blood, Believer, Brothers m.s. 6.
8. International Encyclopaedia of Social Sciences, Vol. 15, m.s. 356.
9. Sukarti Wagiman = Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA), Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M. Sesi 1976/77.
10. David L. Sills = International Encyclopaedia of Social Sciences, Vol. 15 (Reprinted 1972), m.s. 357.
11. Brubacher = Modern Philosophies of Education (1950), m.s. 332.
12. W.F. Connell = Asas Pendidikan, DBP (1982), m.s. 143
13. K.K. Griffin and J.L. Enos = Planning Development, m.s. 6.
14. C.S. Belshaw = Antropologi dalam International Social Sciences Journal, Vol. XXIV, NO. 1, (1971), m.s. 3.
15. Gunnar Myrdal = Asian Drame (m.s. 3)
16. D. Seers = The Meaning of Development dalam Agricultural Development Council, m.s. 3.
17. Mohd. Wahiduddin Abd. Wahab = Dasar dan strategi perkhidmatan belia dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga, di Seminar Pemimpin Pemimpin Belia Johor, anjuran Kerajaan Johor dan KKBS (1980) m.s. 7.

BAB III

LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

3.1 Institusi Sekolah-sekolah Swasta Di Alor Setar

Konsep sekolah mengikut "Akta Pelajaran 1961" ialah:

"A place where ten or more persons are habitually taught, whether in one or more classes and includes a kindergarten, nursery school and a training centre for teaches in kindergarten and nursery school".¹

Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa sekolah itu meliputi taman didikan kanak-kanak (tadika), sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah perdagangan, sekolah teknik dan sekolah gaya pos. Berdasarkan definisi di atas, nyatalah bahawa mana-mana juga sekolah yang tergolong di bawah tertikata sekolah yang diistilahkan dalam Akta Pelajaran 1961 yang tidak menerima bantuan kerajaan dikatakan sebagai sekolah swasta. Di suatu masa dulu ada orang yang menganggap bahawa tanpa bantuan kerajaan, sekolah-sekolah swasta menikmati suatu tahap kebebasan (a certain degree of independence) jadi ada sekolah-sekolah swasta pada masa itu dikenal dengan nama "independent school". Dalam pada itu ada pula yang menganggap bahawa tanpa bantuan, sekolah-sekolah swasta sepatunya dikenal dengan nama "sekolah-sekolah persendirian". Pada hakikatnya sekolah-sekolah swasta walaupun merupakan sekolah persendirian tetapi ianya sentiasa diawasi oleh Kementerian Pelajaran. Penubuhan serta perjalanan sekolah-sekolah swasta iaitu dari segi tujuan, pengurusan dan pentadbirannya sentiasa terkawal. Hal ini dinyatakan dalam seksyen 44 Akta Pelajaran 1961:

".... pengurus dan semua Ahli Lembaga Pengelola/
Pengurus dan semua anggota tenaga pengajar di
sekolah berkenaan hendaklah didaftarkan"2

Pada amnya sekolah swasta menampung murid-murid yang tidak mendapat tempat di sekolah kerajaan atau murid-murid yang sengaja dihantar oleh ibubapa mereka ke sekolah jenis itu (misalnya ibubapa lebih suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah Sri Inai dari sekolah kerajaan kerana mengharapkan mutu pembelajaran yang baik dan penguasaan bahasa Inggeris yang lancar di kalangan anak-anak mereka). Di samping itu ada juga sekolah-sekolah swasta yang mengadakan kelas-kelas untuk memberi tuisyen kepada murid-murid sekolah-sekolah kerajaan.

Di Alor Setar, sebagaimana bandar-bandar yang lain juga terdapat sekolah-sekolah swasta yang berselerak di sana sini. Antara sekolah-sekolah swasta yang dimaksudkan ialah "Kolej Utara", "Kolej Utama", "Maktab Adabi", "Akademi Kota Setar", "Kolej Bakti", "Sekolah Sin Min", "Sekolah Keat Hwa" dan "Persatuan Belia Bimbingan" (ada kekecualianya dan akan dibincangkan kemudian).

Kebanyakan sekolah-sekolah swasta di Alor Setar menumpukan pada bidang pelajaran iaitu membantu pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan SRP, SPM dan STPM untuk mengambil semula peperiksaan berkenaan atau meneruskan pelajaran bagi peperiksaan yang lebih tinggi kalau tidak mendapat peluang belajar di sekolah kerajaan kerana kelulusannya yang rendah. PBB juga tidak terkecuali dalam aktiviti pelajaran, cuma bezanya PBB hanya memberi bimbingan pada pelajar-pelajar untuk menduduki peperiksaan STPM sahaja.

Sekolah-sekolah swasta di Alor Setar tidak banyak menumpukan perhatian di bidang teknik dan yang bercorak gaya pos. Kalau adapun cuma sekolah perdagangan sahaja iaitu seperti Institut Bina dan Yayasan Trengkas Malaysia yang menawarkan kursus menaip, trengkas, perdagangan dan simpankira. Sebagaimana kebanyakan sekolah swasta di Alor Setar, PBB juga tidak memberi tumpuan di bidang teknik dan perdagangan. Tumpuan PBB cuma di bidang pelajaran dan kemasyarakatan (akan dibincangkan dalam bab 4).

3.2 Perbezaan PBB dengan Sekolah Swasta

Sebagai sebuah persatuan belia yang menitikberatkan kegiatan pendidikan dengan mengadakan kelas-kelas untuk peperiksaan STPM, PBB tidak boleh digulungkan sebagai sebuah sekolah swasta kerana wujudnya perbezaan antara sekolah swasta dengan PBB.

Antara perbezaan yang jelas ialah dari soal pendaftaran. Pertubuhan sebuah sekolah swasta mestilah didaftarkan di bawah "Akta Pelajaran 1961"³. Kementerian Pelajaran akan mengawasi cara-cara sekolah swasta itu berkembang melalui pendaftaran yang dilakukan. Selain dari itu terdapat syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh sebuah sekolah swasta seperti kelengkapan-kelengkapan dan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang disediakan, bilangan guru yang sesuai, peperiksaan-peperiksaan yang akan diadakan, had bilangan murid bagi sesuatu bilik darjah, yuran yang dikenakan, keadaan tempat belajar dan bahasa pengantar (5). Hal ini berbeza dengan PBB kerana PBB di daftarkan di bawah Akta Pertubuhan. PBB bukan berada di bawah penguasaan

Kementerian Pelajaran. Hubungan yang ada di antara PBB dengan Kementerian Pelajaran ialah dari segi penentuan sukanan pelajaran di mana PBB meminta nasihat dari kementerian berhubung dengan sukanan pelajaran dan soal-soal peperiksaan. PBB tidak tertakluk di bawah syarat-syarat seperti yang dikenakan pada sekolah swasta yang lain di mana PBB lebih bebas untuk menentukan yuran yang harus dibayar oleh ahli, jumlah murid dalam kelas, keadaan tempat belajar dan juga lebih bebas dalam menentukan hal-hal peperiksaan, misalnya mereka bebas untuk mengadakan peperiksaan bila-bila masa dan berapa banyak pun tanpa campurtangan dari Kementerian Pelajaran.

Penubuhan Sekolah-sekolah Swasta memerlukan modal yang besar. Oleh itu ada sekolah swasta yang dibiayai oleh syarikat-syarikat besar yang mampu mengadakan kemudahan fizikal yang baik untuk murid-muridnya. Ini juga berbeza dengan PBB di mana penubuhan PBB adalah atas rasa kesedaran dan keinsafan galongan yang tercicir untuk memajukan galongan belia malah di peringkat awal penubuhan PBB modal yang ada hanyalah semangat untuk memajukan diri mereka. Disebabkan modal yang kecil PBB tidak mampu menyediakan kemudahan fizikal untuk ahlinya.

Perbezaan antara PBB dengan sekolah swasta juga wujud dari segi kehidupan dan aktiviti harian di mana murid dari sekolah swasta datang belajar tiap-tiap hari lebih kurang 5 jam sehari dengan diberi bimbingan oleh seorang guru yang bekerja sepenuh masa di situ dengan di bayar gaji. Hal ini berbeza dengan PBB di mana mereka belajar 10 jam atau lebih sehari. Mereka belajar sesama sendiri iaitu dengan mengadakan

perbincangan-perbincangan. Mereka juga diwajibkan tinggal di asrama dan memasak makanan sendiri. Pendekata pelajar jugalah yang akan ke pasar, membelah kayu api, memasak, mengemas dan mentadbir persatuan. Mereka juga ada aktiviti di bidang kemasyarakatan selain dari aktiviti pendidikan. Ini adalah berbeza dengan sesebuah sekolah swasta di mana aktivitinya hanya di bidang pelajaran. Oleh itu PBB tidak sesuai untuk digolongkan sebagai sebuah sekolah swasta dan PBB sememangnya tidak menerima konsep sekolah swasta.

Berdasarkan perbezaan-perbezaan ini, dapat dilihat adanya satu keunikan pada PBB iaitu meskipun aktiviti utamanya mengadakan kelas-kelas untuk menampung pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran tingkatan 6 di sekolah bantuan penuh kerajaan tetapi ia bukanlah sebuah sekolah swasta. Walau bagaimanapun PBB cuma boleh dikatakan sebagai sebahagian daripada sekolah swasta di Alor Setar tetapi ia tidak boleh digolongkan sebagai sebuah sekolah swasta sepenuhnya.

3.3 Latarbelakang Tempat Kajian

Persatuan Belia Bimbingan (PBB) terletak di Lorong Liku, Jalan Bakar Batu iaitu kira-kira 5 km. dari bandar Alor Setar. Setakat ini PBB mempunyai 4 buah bangunan yang disewa yang terletak berasingan tetapi di sekitar Lorong Liku juga. Bangunan-bangunan itu ialah sebuah bangunan persatuan, 2 buah asrama perempuan dan sebuah asrama lelaki. (Suatu ketika dulu PBB mempunyai 2 buah asrama lelaki tetapi sebuah darinya sudah diambil balik dan diduduki oleh pemiliknya.)

Bangunan persatuan disewa dengan harga \$200/- sebulan, di gunakan untuk kegiatan-kegiatan pelajaran, pejabat dan tempat masak serta makan. Di tingkat satu bangunan ini mempunyai ruang pejabat yang sederhana besar, bilik perpustakaan, ruang sembahyang dan percetakan serta bilik rihat. Di tingkat bawah bangunan ini mempunyai ruang yang dijadikan sebagai kelas serta ruang dapur. Bila sesuatu perjumpaan hendak diadakan maka ruang kelas akan digunakan sebagai dewan dan apabila tiba waktu makan ruang kelas juga digunakan sebagai tempat makan.



Gambar I: Gambar Menunjukkan bangunan yang disewa dan dijadikan 'Rumah Persatuan'.

Bangunan asrama pula terdiri daripada bangunan yang agak usang yang disewa dengan harga \$180/- sebulan bagi asrama I, \$170/- sebulan bagi ^{asrama} II dan \$150/- sebulan bagi asrama III. Bangunan asrama I cuma terdapat sebuah bilik, asrama II dan III 2 buah bilik. Walau pun cuma ada 1 atau 2 buah bilik sahaja tetapi tiap-tiap buah asrama didiami lebih kurang 30 orang pelajar dan ada kalanya hingga 50 orang bagi tiap asrama iaitu bila ada perjumpaan dengan ahli II dan juga bila ahli II datang mengulang (repeat) untuk mengambil peperiksaan sekali lagi. Di tiap-tiap asrama tidak disediakan segala kemudahan sepertimana asrama lain, misalnya tidak ada katil, tilam atau bantal, meja untuk belajar serta almari pakaian. Apa yang ada di asrama cuma kemudahan asas iaitu air paip dan letrik. Pelajar tidak digalakkan membawa tilam, cukup dengan bantal dan selimut sahaja. Ini dapat pengkaji saksikan sendiri di mana terdapat seorang pelajar baru yang membawa tilam, maka pada waktu orientasi tilamnya dirampas, dan ia dicaci oleh 'senior' seperti dikata ingin berlagak senang, ingin menunjuk-nunjuk, tidak sanggup menghadapi cabaran, tidak sanggup hidup susah dan sebagainya. Meskipun terdapat banyak nyamuk tetapi ahli-ahli PBB cuma tidur dengan beralaskan sebiji bantal dan selimut tanpa kelambu, katil atau tilam yang empuk. Walaupun segala kemudahan dan keselesaan sepertimana di asrama-asrama lain tidak terdapat di PBB namun ahli-ahlinya tidak pernah merasa atau merungut akan kekurangan-kekurangan ini dan mereka nampaknya hidup riang dan bahagia seolah-olah segalanya cukup untuk mereka. Ini adalah kerana sebelum diterima menjadi ahli mereka telah dibekalkan dengan semangat yang cekal dan hati yang tabah yang telah disemai di minggu orientasi dan semangat

mereka ini sentiasa dibakar selalu (ianya akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab seterusnya).

PBB juga terletak di satu kawasan yang dikelilingi oleh rumah-rumah kediaman. Tidak jauh darinya terdapat Museum Negeri Kedah, Stadium Darulaman dan juga Hospital Besar Alor Setar. Kedudukan sebegini sedikit-sebanyak menghalang beberapa kegiatan yang direncanakan seperti kegiatan pertanian terbantut kerana lokasi sebegini tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Jadi PBB berusaha untuk mendirikan satu bangunan baru di tempat yang lebih sesuai dan ia dinamakan 'Kompleks Akademi Rakyat' (KAR).



Gambar 2: Gambar menunjukkan asrama II iaitu asrama bagi pelajar-pelajar perempuan

3.4 Sejarah Penubuhan

PBB ditubuhkan dengan semangat dan tekad untuk kemajuan dan untuk menebus kekalahan orang-orang Melayu khususnya di bidang pelajaran. 'Idea' penubuhan PBB ini lahir pada awal tahun 1967 bilamana keputusan peperiksaan SPM 1966 diumumkan. Pelajar-pelajar dari aliran Melayu waktu ini berada dalam dilemma kerana tidak tentu arah mana yang nak dituju, hala mana yang nak diikuti dan apa sepatutnya dilakukan. Keadaan dilemma ini bukan saja wujud di kalangan pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan SPM 1966 tetapi ianya juga wujud di kalangan pelajar-pelajar yang berjaya kerana mereka juga tidak tahu kemana hendak dituju selepas berjaya dalam peperiksaan sebab kerajaan pada waktu itu tidak begitu menerima pelajar-pelajar dari aliran Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan 6. Di antara pelajar-pelajar tersebut ialah Cikgu Shahnon Ahmad (sekarang Profesor Dato' Haji Shahnon Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM) dan Cikgu Yusuf Saad. Mereka inilah merupakan pengasas kepada penubuhan PBB. Kedua-dua tokoh ini berusaha untuk memajukan anak-anak Melayu yang tercincir di bidang pelajaran dengan cara belajar dengan bimbingan sendiri dalam 1 kumpulan. Menurut Profesor Dato' Haji Shahnon, falsafah yang mereka pegang pada waktu itu ialah:

"Segala-gala yang dijadikan adalah berguna
dan boleh digunakan walau seseorang itu
miskin sekalipun"⁴

Oleh itu mereka bertindak dengan mengumpul pelajar-pelajar yang senasib dengan mereka untuk belajar dalam bentuk organisasi.

Mereka berjaya mengumpul lebih kurang 10 orang pelajar. Mereka belajar beramai-ramai dengan cara berkumpul di rumah emak saudara Cikgu Yusuf di Simpang Kuala, Alor Setar. Di peringkat awal mereka belajar secara tidak formal (tidak ada kelas-kelas tertentu dan tidak ada guru/pembimbing khas) dan mereka tidak tinggal di situ, cuma berjumpa dan berkumpul bila mereka dipanggil atau diberitahu.

Akhirnya setelah jumlah ahli bertambah seramai 17 orang, mereka mula memikirkan untuk menubuh sebuah pertubuhan di kalangan mereka. Oleh itu pada 24 April, 1968 lahirlah satu pertubuhan yang dinamakan Persatuan Belia Bimbingan, bertempat di Taman Malik dengan jumlah ahli meningkat kepada 35 orang dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan. Bermula dari konsep 'bimbingan belia oleh belia sendiri' PBB terus bergerak maju dan meningkat dari satu tahap ke satu tahap selaras dengan pergerakannya cara 'berkampung untuk ilmu' hingga ia pindah ke tempat yang ada sekarang ini.

3.5 Perlembagaan dan Tujuan Penubuhan PBB

PBB berslogarkan 'Belia Berilmu Negara Maju'. Lencananya berbentuk perisai dan dipecahkan kepada 3 bahagian. Bahagian di sebelah kiri dan kanak berwarna kuning manakala di bahagian tengah berwarna hijau dan terdapat huruf PBB berwarna putih di atasnya. Di bahagian bawah terdapat topi (scroll) dan sijil. Di lengkungan di bahagian bawah pula tertulis slogan persatuan berwarna merah beserta dengan tarikh masihi dan hijrah.

Warna hijau yang digunakan melambangkan belia, warna kuning melambangkan kesetiaan, warna merah melambangkan semangat, lengkungan melambangkan persaudaraan manakala topi (scroll) dan sijil melambangkan matlamat dan cita-cita ahli.



Contoh Lencana PBB

PBB mempunyai lagu rasmi mereka sendiri iaitu diberi nama 'Berdikari'. Lagu ini dinyanyikan setiap pagi Khamis dan juga ketika ada perjumpaan-perjumpaan rasmi seperti Waktu Mesyuarat Agung dan lain-lain. Di bawah ini diperturunkan senikata lagu tersebut.

BERDIKARI

Persatuan Belia Bimbingan
Hidupnya berdikari
Membimbing kami ke jalan
Yang suci membela ibu pertiwi

Belia berilmu negara maju
Itulah cogan kami
Bertekun diri cekalkan hati
Untuk mencapai hasrat murni

Membela
Membina
Negara Jaya

Lagu ini diwajibkan kepada tiap-tiap ahli untuk menghafal dan menyanyikannya. PBB merupakan satu perkumpungan yang mengumpul belia-belia Melayu yang tercicir dalam bidang pelajaran dari seluruh Malaysia agar bersatu di bawah satu persatuan. Di samping bertujuan untuk mencapai cita-cita di bidang akademik, PBB juga mempunyai tujuan untuk memberi kesedaran dan membentuk peribadi yang baik untuk hidup dalam satu organisasi selaras dengan kehendak ugama, tradisi dan alam sekitar serta juga untuk menanam daya tahan di kalangan ahli-ahlinya dari pengaruh asing yang tidak sihat.

Secara lebih terperinci, PBB ditubuhkan dengan tujuan untuk:

- a) Menggalakkan dan memberi pimpinan serta mengadakan rancangan-rancangan juga persediaan-persediaan serta kemudahan bagi ahli-ahli dalam lapangan pelajaran, sukan, ugama, ekonomi, kerja kebajikan dan kesenian.
- b) Memberi tenaga dan kerja-kerja gotong-royong dalam rancangan untuk kemajuan luarbandar
- c) Membaiki rohani dan jasmani serta meninggikan akhlak ahli-ahli persatuan
- d) Memberi semangat persahabatan dan persefahaman di kalangan ahli-ahli juga seluruh masyarakat Malaysia tidak mengira bangsa dan ugama
- e) Menjalankan peranan dan menanam rasa kasih sayang di kalangan ahli pada kerajaan dan negara serta menjadikan ahli rakyat yang berguna kepada ugama, bangsa dan

negara juga ahli=ahli dapat membaiki dan
meninggikan taraf hidup masing=masing

Dilihat dari segi tujuan pemubuhannya, dapat dikatakan bahawa PBB tidak sahaja mementingkan bidang akademik meskipun ia merupakan soal pokok pelajar datang ke PBB, tetapi yang lebih penting pada PBB ialah pengisian diri peribadi di kalangan ahli=ahlinya. PBB berusaha menanam rasa kesedaran dan keinsafan serta semangat perjuangan yang tinggi agar ahli=ahlinya tidak merasa gentar untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Sebagai sebuah persatuan yang kesemua ahli=ahlinya adalah orang=orang Melayu, PBB membangkitkan semangat mereka agar sedar bahawa orang=orang Melayu jauh ketinggalan dalam segala bidang jika dibandingkan dengan bangsa lain di Malaysia ini. PBB membangkitkan semangat ahli=ahlinya agar merebut peluang yang ada supaya dapat merampas kembali harta dan hak orang=orang Melayu.

Bagi mencapai matlamat ini, ceramah=ceramah tentang kesedaran dan sebagainya sering diadakan. Selain dari itu PBB juga mencipta lagu-lagu yang bertemakan semangat dan kesedaran. Lagu-lagu ini dinyanyikan oleh ahli=ahlinya dalam majlis=majlis tertentu. Dalam Minggu Haluan PBB (minggu orientasi), ahli=ahli PBB yang baru diwajibkan menghafal lagu-lagu ini dan disuruh menyanyikannya setiap hari serta dikupas isinya satu=persatu bagi menimbulkan semangat dan kesedaran mereka. Di bawah ini diperturunkan contoh lagu yang menaikkan semangat iaitu lagu 'warisan'

WARISAN

Anak kecil main api
Terbakar hatinya yang sepi
Air mata darah bercampur keringat
Bumi dipijak milik orang

Nenek moyang kaya raya
Tergadai seluruh harta benda
Akibat sengketa sesamalah kita
Cinta lenyap di arus zaman

Indahnya bumi kita ini
Warisan berkurun lamanya
Hasil mengalir ke tangan yang lain
Pribumi merintis sendiri

Masa depan sungguh kelam
Kan lenyap peristiwa semalam
Tertutuplah hati terkunci mati
Maruah peribadi dah hilang

Kini kita cuma tinggal kuasa
Yang akan menantukan bangsa
Bersatulah hati, bersama berbakti
Pulih kembali harga diri

Kita sudah tiada masa
Majulah dengan maha perkara
Janganlah terlalai, teruskan usaha
Melayukan gagah di Nusantara (3x)

3.6 Syarat-syarat Kemasukan dan Keahlian

PBB menetapkan syarat-syarat tertentu dalam keanggotaan ahli-ahlinya. Antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah seseorang yang hendak memasukki dan menjadi ahli PBB mestilah terdiri dari mereka yang gagal untuk memasukki tingkatan 6 rendah di sekolah bantuan penuh kerajaan disebabkan keputusan peperiksaan tingkan lima yang tidak cukup baik. Dengan lain perkataan PBB hanya menerima murid-murid (Melayu sahaja) yang tercicir selepas peperiksaan SPM tetapi

masih bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran. Umumnya mereka ini terdiri dari belia yang datang dari keluarga miskin dari dalam dan luarbandar.⁵

Disebabkan PBB menganjurkan sistem pembelajaran yang intensif maka semua ahli yang sedang belajar diwajibkan tinggal di asrama yang disediakan. Mereka yang hendak menjadi ahli dikehendaki mengisi 'borang keahlian' (rujuk lampiran 3) serta menjelaskan sumbangan kepada PBB iaitu sebanyak \$115/- Jumlah sebanyak ini adalah dibayar ketika mendaftar dan ianya meliputi:

i)	Bayaran yuran bagi bulan April*	\$ 160/-
ii)	Yuran ahli (bagi jangkamasa 5 tahun)	= \$ 25/-
iii)	Sumbangan untuk kebajikan ahli	= \$ 10/-
iv)	Wang pendaftaran	= \$ 10/-
v)	Derma untuk tabung KAR	<u>= \$ 10/-</u>
	Jumlah	<u>\$ 215/-</u>

Pengambilan ahli baru ialah pada bulan April (walau bagaimanapun pada bulan Januari pengambilan juga dilakukan tetapi tidak seramai di dalam bulan April). Ahli yang telah mengisi Borang keahlian diwajibkan menjalani Minggu Orientasi atau disebut 'Minggu Haluan PBB'. Selepas orientasi, pelajar ini berada di bawah perhatian Ahli Jawatankuasa Pentadbir (AJKP) untuk pemilihan menjadi ahli tetap. Ahli yang didapati tidak menunjukkan minat yang cemerlang tentang konsep PBB dan yang didapati tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana persekitaran di PBB dianggap tidak berjaya dan akan diminta meninggalkan PBB dan tidak

dianggap sebagai ahli. Mereka yang dianggap tidak berjaya dalam tempoh perhatian akan dikembalikan sumbangan mereka sebanyak \$115/- sebagaimana yang disebutkan di atas.

Ahli-ahli PBB boleh dibahagikan kepada 3 jenis iaitu:

Ahli I = ahli yang sedang mengikuti pelajaran anjuran persatuan ini

a) Ahli biasa

Ahli II = ahli yang telah meninggalkan pelajaran anjuran PBB

b) Ahli Bersekutu = Ahli yang berusia 40 tahun ke atas

c) Ahli Kehormat = Ahli yang masuk menjadi ahli PBB tanpa melalui Minggu Haluan.

Ahli kehormat ini dipilih oleh AJKP dan biasanya orang yang dipilih itu adalah terdiri dari orang-orang yang telah banyak membuat jasa dalam perkhidmatan hal ehwal belia-belia. Antara yang dipilih menjadi ahli kehormat PBB ialah YB Encik Anwar Ibrahim dan Saudara Ahmad bin Man (sekarang pensyarah di MPSI) kerana jasa beliau memberi bimbingan pada ahli PBB dengan percuma.

Seseorang yang diterima menjadi ahli PBB akan menjadi ahli seumur hidup kecuali dalam kes-kes tertentu seperti tidak membayar yuran dalam masa 3 bulan, tidak menjelaskan yuran ahli selama setahun, tidak patuh pada undang-undang dan perlombagaan persatuan ataupun telah membuat beberapa kesalahan yang boleh mendatangkan bahaya serta menimbulkan nama buruk pada persatuan. Walau bagaimanapun terlebih

dahulu penyiasatan akan dilakukan oleh AJKP serta dibawa ke Badan Penasihat sebelum menggugurkan keahlian seseorang itu.

Meskipun di peringkat awal penubuhannya PBB mempunyai jumlah ahli yang amat kecil bilangannya, tetapi kini (hingga bulan April 1983) ahli PBB ialah sebanyak 1,538 orang. Kemasukan/pengambilan ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Jadual 5

Jumlah Ahli PBB Mengikut Tahun Kemasukan

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1968	35	-	35
1969	63	34	97
1970	53	41	94
1971	63	41	104
1972	59	41	100
1973	63	33	96
1974	60	41	101
1975	40	48	88
1976	64	37	101
1977	31	65	96
1978	50	47	97
1979	50	48	98
1980	48	50	98
1981	48	43	91
1982	38	30	63
1983	40	60	100
1984	34	38	72
Jumlah	841	697	1,538

Dari jadual 5 didapati bahawa pada peringkat awal penubuhan PBB, jumlah ahlinya ialah 35 orang^{**} dan kesemuanya adalah lelaki. Ini adalah kerana di peringkat awal penubuhan PBB, penerimaan ahlinya adalah terdiri daripada orang-orang lelaki sahaja. Tetapi setahun kemudian iaitu pada tahun 1969 PBB telah mula menerima ahli di kalangan kaum wanita. Di peringkat permulaan ini jumlah ahli wanita yang diterima adalah lebih kurang separuh sahaja daripada kemasukan ahli lelaki (iaitu cuma 34 orang perempuan) berbanding dengan 63 orang ahli lelaki. Pada tahun-tahun selepas itu, pengambilan ahli adalah lebih kurang sama antara lelaki dan perempuan malah ada kalanya bilangan kemasukan ahli perempuan adalah melebihi daripada bilangan kemasukan ahli lelaki (iaitu pada tahun 1977 dan 1983).

Ahli=ahli PBB yang berjumlah 1,538 orang itu (hingga April 1984) bukan sahaja terdiri dari orang-orang tempatan (beliau dari Kedah) sahaja malah ianya meliputi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Hal ini dapat dilihat dalam jadual 6.

Dari jadual 6, didapati bahawa ahli=ahli PBB bukan sahaja terdiri daripada orang-orang tempatan (Negeri Kedah) bahkan ahlinya datang dari seluruh negeri di Malaysia. Ahli dari luar paling ramai sekali ialah Perak iaitu sebanyak 108 orang, diikuti dengan Perlis (86) dan Pulau Pinang (62). Dari kajian yang dijalankan (menerusi temubual pengkaji dengan ahli I) didapati pada sesi 1984/85 terdapat 5 orang ahli dari luar iaitu seorang dari Kelantan, 2 orang dari Pulau Pinang dan 2 orang ahli dari Perak. Terdapat beberapa sebab yang

Jadual 6

Pembahagian Ahli Mengikut Negeri-negeri
Hingga April 1984

Negeri	Jumlah Ahli
Perlis	82
Kedah	1,229
P. Pinang	62
Perak	108
Kelantan	19
Terengganu	4
Pahang	8
Selangor	6
Melaka	2
N. Sembilan	2
Johor	12
Jumlah	1,538

menarek minat mereka untuk datang belajar di PBB (menjadi ahli PBB) meskipun di tempat asal mereka juga terdapat banyak sekolah-sekolah swasta yang boleh dimasuki untuk menduduki peperiksaan SPM. Antara sebab-sebabnya ialah kerana terdapat saudara-mara mereka yang menjadi ahli PBB yang kemudiannya menggalakkan mereka pula untuk menyertai PBB. Di samping itu ada juga saudara-mara mereka yang tinggal di Kedah yang tidak menjadi ahli PBB tetapi menggalakkan mereka menyertai PBB setelah tertarik dengan matlamat dan perjuangan PBB.

Jadual 7

Pembahagian Ahli Mengikut Daerah=Daerah
Dalam Negeri Kedah (hingga April 1984)

Daerah	Bilangan Ahli
Kota Setar	354
Kubang Pasu	311
Padang Terap	82
Kuala Muda	116
Kulim	37
Baling	95
Sik	48
Pendang	114
Langkawi	14
Yan	51
Bandar Baru	7
Jumlah	1,229

Satu lagi sebab yang menyebabkan mereka (ahli I dari luar negeri Kedah) menyertai PBB ialah kerana pengaruh dari kawan-kawan yang juga menjadi ahli PBB. Selain dari itu, soal publisiti mengenai PBB yang disiarkan di Televisyen juga menjadi sebab atau pendorong kepada orang-orang luar untuk menyertai PBB. Mereka menyatakan bahawa mereka berminat untuk menjadi ahli PBB setelah menonton filem yang menggambarkan corak hidup di PBB yang disiarkan menerusi rancangan "Belia" (akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab 5). Sebab-sebab

belia dari luar negeri Kedah menyertai PBB dapat dilihat dalam data berikut:

Jadual 8

Sebab-sebab Belia Dari Luar
negeri Kedah Menyertai PBB

Sebab-sebab	Bil. Responden	Peratus
Pengaruh saudara mara	1	20
Pengaruh kawan-kawan	3	60
Publisiti mengenai PBB di T.V.	1	20
Jumlah	5	100

Seseorang yang hendak menjadi ahli dikehendaki membayar yuran masuk menjadi ahli sebanyak \$10.00 dan yuran tahunan ahli sebanyak \$5.00. Yuran tahunan ini boleh dibayar sekaligus dalam tempoh 10 tahun. Bagi mereka yang membayar yuran tahunan bagi jangka masa 15 tahun sekaligus dikira menjadi ahli seumur hidup.

3.7 Konsep Yang Diamalkan

Sebagai sebuah persatuan yang bertujuan untuk memajukan orang-orang Melayu di bidang akademik dan melengkapkan diri dalam pembentukan peribadi yang sempurna, PBB mengamalkan bimbingan secara menyeluruh untuk belia oleh belia. Konsep ini tegak atas beberapa ciri yang menyeluruh. Beberapa konsep yang diamalkan oleh PBB yang dianggap sebagai konsep keramat dalam menentukan keutuhan

PBB ialah konsep sukarela, berdikari, bersaudara tulin dan konsep tidak melupakan ibu kandung (PBB).

Persatuan Belia Bimbingan bukan ditubuhkan atas paksaan tetapi dengan cetusan sukarela yang menginsafkan kemiskinan sukarela samada dari segi kuantiti dan kualiti. Oleh itu setiap ahli yang masuk ke PBB ditanam dengan konsep sukarela ini. Selaras dengan konsep ini, PBB melaksanakan segala kegiatan-kegiatan dengan cara sukarela. Tenaga pengajar atau pembimbing di PBB misalnya memberi sumbangan secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa bayaran. Mereka yang kebanyakannya teridiri dari mahasiswa (iaitu ahli=ahli PBB yang sedang menuntut di universiti) datang memberi bimbingan setiap kali mereka bercuti dengan percuma. Meskipun banyak masa dan tenaga mereka dihabiskan tetapi yang penting bagi mereka ialah untuk melihat kemajuan dan kejayaan PBB. Begitu juga halnya dengan AJKP di mana mereka juga tidak dapat lari dari konsep sukarela ini. Ada di antara AJKP ini yang bekerja tetapi masih sanggup datang ke PBB untuk melaksanakan tugas tanpa sebarang elau. Pendekata setiap gerak-langkah ahli=ahli PBB dalam apa jua bidang sama ada untuk faedah PBB ataupun untuk kepentingan masyarakat PBB tidak akan lari malah sering mengamalkan konsep sukarela ini.

Selain dari konsep sukarela, PBB juga mengalamlan konsep berdikari. Berdikari di sini bukanlah bermaksud "berdiri atas kaki sendiri" tetapi yang dimaksudkan dengan konsep berdikari dalam PBB ialah berdikari dalam satu bentuk organisasi (team of work). Meskipun motif awal penubuhan PBB adalah untuk 'belajar' tetapi difikirkan pula

bahawa pada peringkat umur ahli-ahlinya, darjah kematangan mereka sudah tinggi dan sudah dapat berfikir dengan rational maka motivasi PBB disisipkan juga dengan konsep berorganisasi menjadi 'belajar dan berorganisasi'. Contoh yang jelas dapat dilihat dari amalan konsep ini dari segi pembelajaran mereka. Ahli-ahli PBB khasnya ahli I belajar secara berkumpulan. Mereka dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu dan tiap-tiap satu kumpulan mempunyai ahli sekurang-kurangnya 9 orang. Berdasarkan pada kumpulan inilah mereka akan berbincang mengenai pelajaran dan lain-lain aktiviti seperti ketika memasak, mengemas serta membersihkan asrama. Pendekata dalam apa juapun ahli-ahli PBB bergerak dalam keadaan berkumpulan. Konsep individu atau pengamalan yang mementingkan diri sendiri adalah ditegah sama-sekali. Setiap yang dimiliki adalah dianggap hak bersama. Ahli-ahli PBB sanggup makan sepinggan, minum segelas sesama mereka. Bila salah seorang dari ahli PBB berkahwin, maka menjadi tanggungjawab semua ahli PBB untuk membantu dan memeriahkan majlis tersebut. PBB akan mengisyiharkan cuti bila majlis perkahwinan ahlinya diadakan.

Hal ini berekoran dengan konsep PBB seterusnya iaitu 'Bersaudara Tulin'. PBB memupuk semangat dan rasa persaudaraan di kalangan ahli-ahli mereka tidak kira samada ianya ahli I atau ahli II. Tiap-tiap ahli adalah dianggap sebagai sebahagian dari ahli keluarga mereka. Apa yang mengagumkan ialah ekoran dari konsep ini maka wujudnya kemesraan yang jitu di kalangan ahli tidak kira samada ianya ahli I atau ahli II dan tidak kira sesi mana ahli itu masuk ke PBB. Ada di antara ahli PBB yang berpangkat dan ada yang bergelar datuk

tetapi di kalangan ahli=ahli PBB gelaran dan pangkat itu diketepikan, sebaliknya mereka akan bermesra tanpa mengira batasan dan cukup dengan panggilan=panggilan masing=masing seperti Pak Lang, Pak Long dan sebagainya bagi mengeratkan lagi kemesraan yang sudah sedia terjalin. Dua tahun sekali PBB menganjurkan Malam Perjumpaan Agung di mana pada malam ini semua ahli PBB dijemput hadir tidak kira samada ianya ahli lama atau ahli baru. Perjumpaan dalam Majlis ini dilakukan secara tidak formal dan dijalankan dalam suasana yang penuh kemesraan. Ahli=ahli diminta menceritakan pengalaman pahit manis kepada semua yang hadir bagi memberi gambaran kepada ahli=ahli baru tentang corak hidup mereka di PBB dahulu. Meskipun Malam Perjumpaan Agung ini jika dilihat dari segi rasminya tidak mendatangkan apa=apa faedah tetapi dalam konteks ikatan kekeluargaan, malam seperti ini adalah besar ertinya dalam menjalin ikatan kekeluargaan dan mengwujudkan kemesraan sesuai dengan konsep bersaudara tulin.

Satu lagi konsep yang dipegang oleh ahli=ahli PBB ialah konsep tidak melupakan ibu kandung (PBB). Ahli=ahli yang telah keluar dari PBB setelah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti atau lain=lain institusi pengajian tinggi atau yang telah berjaya mendapat pekerjaan dan sebagainya ditanam dengan konsep tidak melupakan ibu kandung iaitu PBB. Mereka ini ditanam dengan rasa kasih sayang pada PBB sebagai tempat yang telah memberi didikan dan pengasuhan kepada mereka. Setiap kali ada perjumpaan atau kelapangan, mereka ini akan datang menyumbangkan tenaga bakti bagi memajukan lagi PBB serta menggauli ahli=ahli yang baru masuk. Mahasiswa=mahasiswa misalnya

akan datang memberi bimbingan kepada ahli=ahli PBB yang baru. Ahli=ahli yang telah bekerja pula akan memberi sumbangan wang bagi menambah sumber kewangan PBB. Ahli=ahli ini akan sentiasa memberi pandangan dan buah fikiran untuk kemajuan PBB. Perasaan kasih sayang di kalangan ahli begitu kukuh dan setiap ahli seolah=olah akan merasa bersalah jika ia tidak datang menyumbangkan tenaga baktinya untuk PBB.

3.8 Pentadbiran

Persatuan Belia Bimbingan ditadbirkan oleh Ahli Jawatankuasa Pentadbir dan ahli=ahli jawatankuasa kecil yang lain. Pergerakan dalam PBB adalah seperti berikut:

Penaung: Dato' Sri Dr. Mahathir Mohammad (Perdana Menteri)

Badan Penasihat: Pengurus = YB Encik Daim Zainuddin (Ahli Parlimen Kuala Muda)

Ahli Badan Penasihat:

- i) Profesor Dato' Haji Shahnun Ahmad D.S.D.K. (Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemasyarakatan, USM)
- ii) Dato' Sheikh Othman Haji Ibrahim D.S.D.K., B.C.K. (Yang Dipertua Majlis Hal Ehwal Ugama Islam, Negeri Kedah)
- iii) Dr. Afifuddin Haji Omar S.D.K., K.M.N., B.C.K., (Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah)
- iv) Encik Yusuf Saad (Guru Sekolah Menengah Telok Chengai, Alor Setar)
- v) Encik Hamid Ayub K.M.N., B.C.K. (Bekas Pengarah Pelajaran Negeri Kedah)

vi) Encik Boonlert Somchit B.C.K., P.J.K. (Pengarah Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan, Negeri Kedah)

Ahli Jawatankuasa Pentadbir (Sesi 1984/85)

Pengerusi = Saudara Marduan Mohammad

Naib Pengerusi I = Saudara Razali Tahirim

Naib Pengerusi II = Saudari Hasnah Ibrahim

Setiausaha = Saudara Jamil Khir Mustaffa

Bendahari = Saudara Yusuf Osman

Ahli Jawatankuasa

Jawatankuasa Pendaftaran = Saudara Idris bin Husain

Jawatankuasa Pelajaran = Saudara Mohd. Zaini Ali

Jawatankuasa Wilayah = Saudara Shukri Suri

Jawatankuasa Seranta = Saudara Zulkifli Dollah

Jawatankuasa Tabung Amanah = Saudara Shaifudin Hashim

Jawatankuasa Kebajikan = Saudara Saadan Salim

Jawatankuasa Unit-unit = Saudara Ramli Hussain

Jawatankuasa Perpustakaan = Saudari Saleha Abu Bakar.


Di waktu awal penubuhan PBB, orang yang belajar jugalah yang mentadbirkan PBB atau dalam ertikata lain yang belajar adalah merupakan orang yang mentadbir dan yang kena tadbir, tetapi kini keadaan sebegini berubah sedikit di mana yang mentadbir itu tidak semestinya mereka yang sedang belajar. Contohnya Saudara Pengerusi PBB bagi sesi 1984/85 telah bekerja tetapi kerap datang memberi

sumbang dan tenaga baktinya untuk kemajuan dan pembangunan PBB.

Di masa kini, PBB ditadbir oleh Ahli Jawatankuasa Pentadbir yang dipilih dalam Mesyuarat Agung yang diadakan setahun sekali dan biasanya diadakan dalam bulan April. Perlantikan Jawatankuasa Pentadbir ini dilakukan secara demokrasi iaitu dengan undi sulit di mana undi yang terbanyak adalah dipilih. Pengundian ini dilakukan oleh ahli-ahli PBB sahaja.

Di samping Jawatankuasa Pentadbir, jawatankuasa ini pula akan melantik beberapa jawatankuasa lain seperti Jawatankuasa Pelajaran, Jawatankuasa Perpustakaan, Jawatankuasa Tabung Amanah, Jawatankuasa Seranta, Jawatankuasa Pendaftaran, Jawatankuasa Unit-unit dan Jawatankuasa Kebajikan. Jawatankuasa ini biasanya dilantik di kalangan ahli I dan ahli II iaitu sekurang-kurangnya 4 orang dari tiap-tiap ahli dan perlantikan dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang disebut di atas dilakukan dalam mesyuarat AJKP. Jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah merupakan badan perancang dan pelaksana segala program yang dibuat di samping mendapat kerjasama dan bantuan dari ahli-ahli yang lain.

RAJAH ORGANISASI STRUKTUR PENTADBIRAN PBB



NOTAKAKI

1. Othman bin Haji Dahlan - Peranan dan Tanggungjawab Sekolah-sekolah Swasta - Suatu Pandangan Umum - Kertaskerja dalam Seminar Sekolah-sekolah Swasta di Kedah (Ogos 1984)
 2. Othman bin Haji Dahlan - Ibid, m.s. 2
 3. Ros Arny's, Sekolah Swasta masih diperlukan? Dewan Masyarakat 15 Ogos 1984, Jilid 22, Bil. 8, m.s. 5.
 4. Diceritakan sendiri oleh Profesor Dato' Haji Shahnon Ahmad ketika pengkaji menemui beliau sewaktu ia datang merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PBB kali Ke 16.
 5. Matlamat PBB ialah untuk membantu orang-orang Melayu dan kebanyakan orang Melayu tinggal di luarbandar dan miskin. Sebab itu ramai ahli PBB adalah dari kalangan orang-orang Melayu luarbandar
- * Bayaran bagi bulan April kerana ahli masuk pada bulan April
- ** Walaupun di awal perbincangan pengkaji nyatakan jumlah ahli PBB di peringkat awal ialah 17 orang tetapi dalam data ini pengkaji masukkan jumlah ahli selepas PBB didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan.

BAB IV

PBB SEBAGAI SEBUAH PERTUBUHAN SUKARELA

4.1 Aktiviti PBB

Matlamat dasar penubuhan PBB ialah untuk membantu pelajar-pelajar Melayu yang tercincir dari sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan untuk memasuki universiti-universiti, maktab-maktab perguruan dan lain-lain institusi pengajian tinggi. Selaras dengan matlamat ini maka aktiviti utama PBB ialah di bidang pendidikan. Sebagai sebuah pertubuhan sukarela, segala aktiviti yang dilancarkan oleh PBB adalah berdasarkan kepada kaedah gotong-royong, berdikari dan bekerjasama. Walau bagaimanapun, semakin meningkat usia PBB semakin banyak pula kegiatan yang dijalankan. Kegiatan ini boleh dibahagikan kepada dua aspek berdasarkan kepada faedah yang dibawa oleh setiap kegiatan itu kepada persatuan. Aspek-aspek itu ialah kegiatan dalam aktiviti asas (aspek pendidikan) dan kegiatan dalam bidang kemasyarakatan.

Pengkaji membuat pembahagian aktiviti ini untuk memudahkanuraian dan pembahagian dibuat berdasarkan pada aktiviti-aktiviti yang melibatkan para ahli di mana aktiviti dalaman (yang dikelolakan oleh ahli PBB untuk ahlinya) yang kebanyakannya berkaitan dengan soal pelajaran pengkaji masukkan dalam bidang aktiviti asas manakala aktiviti luaran iaitu yang melibatkan ahli PBB dengan masyarakat luar atau program untuk ahli PBB ke arah melahirkan satu masyarakat pengkaji masukkan dalam aspek kemasyarakatan.

4.2 Kegiatan PBB Di Bidang Pendidikan

Kegiatan di bidang pendidikan merupakan aktiviti asas PBB di mana sebahagian besar dari aktivitinya ialah untuk kepentingan ahli. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pendidikan/kelas, seminar/dialog, perbahasan dan ceramah.

Dalam bidang akademik, PBB mengatur sistem pembelajaran berdasarkan kepada polisi Kementerian Pelajaran Malaysia berasaskan kepada pengajian untuk Sijil Tinggi Persekolahan. Kursus STPM ini dijalankan dalam aliran Bahasa Malaysia. Matapelajaran yang diajar ialah Ekonomi, Bahasa Malaysia I dan II, Sejarah, Kertas Am, Ilmu Alam I, II dan IV. Lain-lain kursus tambahan diadakan oleh pihak AJKP dari masa ke semasa, misalnya pelajaran ugama diajarkan kepada ahli=ahli bila pihak AJKP berjaya mendapat tenaga pembimbing. Pelajaran ini tidak termasuk dalam kursus STPM tetapi sebagai pendidikan kepada ahli. PBB mengamalkan pembelajaran berdasarkan kepada membaca, membimbing dan mengulang.

Pembelajaran di PBB dilakukan dengan cara sistematik dan intensif. Kelas bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari, 3.00 petang hingga 5.00 petang dan pukul 8.30 malam hingga pukul 10.30 malam. Kelas pada pukul 8.00 hingga 10.30 pagi berjalan di bawah seorang pembimbing yang biasanya terdiri dari ahli II PBB. Pembimbing PBB terdiri dari guru=guru dari sekolah bantuan penuh kerajaan di sekitar Alor Setar (yang memberi bimbingan dengan dibayar upah dan ada juga yang berkhidmat secara sukarela), pegawai=pegawai kerajaan, mahasiswa (terdiri

dari ahli PBB yang sedang menuntut di universiti) dan ahli II PBB yang tinggal berdekatan dengan PBB (ada ahli II samada yang bekerja atau menganggur tinggal di asrama PBB untuk memberi bimbingan). Guru-guru dari sekolah bantuan penuh kerajaan biasanya datang memberi bimbingan pada waktu malam. Jika mahasiswa bercuti, mereka akan memberi bimbingan secara intensif dengan tumpuan diberi kepada tingkatan 6 atas yang akan menduduki peperiksaan. Mahasiswa sering mengadakan kelas tambahan pada waktu pagi sebaik sahaja selesai sembahyang subuh iaitu kira-kira pada pukul 6.00 pagi. Kelas sebegini tidak sukar untuk diadakan kerana semua ahli I tinggal di asrama. Kelas ini akan berterusan ke pukul 8.00 di mana kelas seperti biasa bermula. Di sinilah ketabahan dan kegigihan pelajar terlihat, sebab itulah di peringkat awal penerimaan ahli PBB telah meletakkan mereka di bawah perhatian selama 3 bulan (telah pengkaji bincangkan dalam bab 3) kerana jika tidak ada ketabahan mereka tidak akan sanggup belajar secara intensif seperti ini.

Apabila mahasiswa pulang ke kampus, pelajar-pelajar akan menggunakan inisiatif mereka sendiri untuk berbincang sesama mereka. Soal ini tidak sukar dilakukan kerana ahli-ahli Persatuan Belia Bimbingan ditanam dengan semangat persaudaraan dan bekerjasama. Mereka akan berbincang dan bersoal-jawab sesama sendiri dan sesiapa yang cenderung di dalam satu-satu matapelajaran akan memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar yang lain dan begitulah sebaliknya. Di sini inisiatif dan tanggungjawab sesama pelajar diperlukan dan jika menghadapi sebarang masalah maka akan dirujuk kepada pembimbing yang terdiri dari guru-guru.

Di antara pukul 10.30 pagi hingga 12.45 tengahari diadakan pula "kumpulan perbincangan" (group discussion). Ahli=ahli I di bahagikan kepada kumpulan=kumpulan yang kecil di mana tiap-tiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 9 orang ahli. Sewaktu pengkaji membuat kajian di PBB terdapat 5 kumpulan perbincangan di kalangan penuntut 6 atas* dan tiap-tiap kumpulan mempunyai seorang ketua.

Tajuk perbincangan akan ditentukan oleh mereka sendiri dan seorang ketua atau "leader" dilantik untuk menguruskan perbincangan pada hari itu dan ketua ini akan bertukar ganti dari hari ke hari. Corak atau bentuk perbincangan adalah bergantung kepada kehendak ahli di dalam kumpulan itu sendiri. Tiap-tiap kumpulan mengandungi mereka yang cenderung di dalam tiap-tiap matapelajaran. Misalnya bagi kumpulan I katakan si A cenderung dalam Ekonomi dan si B cenderung dalam Ilmu Alam, maka pada waktu perbincangan Ekonomi si A akan menjadi ketua dan di hari berikutnya jika perbincangan tentang Ilmu Alam dilakukan maka si B pula yang akan menjadi ketua. Pendekata perbincangan ini bergantung pada ahli kumpulan dan tidak ada satu jadual tertentu untuk mereka. Ahli bebas memilih tajuk dan perkara yang akan mereka bincangkan. Ahli juga bebas memilih tempat perbincangan di mana ada yang dilakukan di bawah pokok, ada yang diadakan di sudut tingkat bawah bangunan persatuan dan sebagainya.

Bagi memastikan semua ahli dalam "group discussion" mengambil bahagian dalam perbincangan yang dijalankan, tiap-tiap ahli kumpulan

dikehendaki menyediakan kertaskerja masing-masing berdasarkan tajuk perbincangan yang ditetapkan. Dengan ini semua ahli kumpulan akan turut mengambil bahagian dalam perbincangan dan tidak akan ada ahli yang bertindak lepas tangan dengan semata-mata bergantung atau berharap kepada ketua sahaja yang membuat rujukan sedangkan yang lain tidak. Oleh itu dengan mewajibkan semua ahli dalam kumpulan membuat kertas-kerja maka keadaan sebegini tidak akan berlaku.

Dalam sesi 1984/85 PBB merancang untuk menubuhkan 'Badan Perundingan' dengan dipengerusikan oleh guru-guru. Di bawah badan ini ada mempunyai jabatan-jabatan tertentu seperti Jabatan Ekonomi, Jabatan Sejarah dan sebagainya. Jabatan ini akan bertindak seperti badan kaunseling bagi membantu para pelajar yang menghadapi masalah. Jabatan-jabatan ini pula akan dianggotai oleh ahli-ahli yang cenderung dalam bidang-bidang atau matapelajaran tertentu mengikut jabatan-jabatan. Contohnya jika si A cenderung dalam bidang ekonomi ia akan masuk dalam Jabatan Ekonomi dan akan berganding bahu dengan anggota yang lain dalam satu jabatan untuk menghasilkan kertaskerja yang bersesuaian dengan matapelajaran tersebut kemudian akan diedarkan kepada ahli-ahli.

Bagi memastikan segala yang dirancang berjalan dengan lancar maka bidang akademik diletakkan di bawah perhatian Biro Pelajaran. Biro Pelajaran ini terdiri dari ahli jawatankuasa pelajaran yang terdiri dari ahli II dan 4 orang pembantu yang terdiri dari ahli I. Biro inilah yang akan menentukan sukanan pelajaran ahli-ahli di mana ianya akan dirujuk kepada Kementerian Pelajaran. Biro ini juga bertanggungjawab

menetap dan mencari pembimbing serta mendapatkan guru-guru, mengadakan mesyuarat pembimbing, mengambil kedatangan ahli, menjemput penceramah, menyediakan soalan-soalan peperiksaan bersama-sama dengan pembimbing. Ahli=ahli yang tidak hadir ke kelas tanpa sebab tiga kali berturut-turut akan dibawa berjumpa dengan pengurus untuk diambil tindakan.

Peperiksaan biasanya dijalankan 3 kali setahun iaitu dalam bulan Januari, April dan Julai/September. Kertaskerja, peperiksaan akan diperiksa oleh pembimbing. Peperiksaan percubaan diadakan pada bulan Julai bagi tingkatan 6 atas dan pada bulan September bagi tingkatan 6 rendah. Keputusan peperiksaan akan dihantar kepada warith para pelajar. Semasa kajian dijalankan terdapat 4 orang pembimbing yang terdiri dari guru=guru dari sekolah bantuan penuh kerajaan iaitu Cikgu Zaki dari Sekolah Menengah Tuanku Abdul Malik yang mengajar matapelajaran ekonomi, Cikgu Ismail bin Ahmad dari Sekolah Menengah Jitra yang mengajar matapelajaran Bahasa Malaysia, Cikgu Khalid bin Ibrahim juga dari Sekolah Menengah Jitra mengajar matapelajaran Ilmu Alam serta Cikgu Basrah Haji Hassan dari Sekolah Menengah Sultanah Asma yang mengajar Kertas Am. Di samping itu terdapat 6 orang mahasiswa iaitu ahli PBB yang sedang menuntut di universiti tempatan yang menjadi pembimbing sewaktu mereka bercuti iaitu Zulkifli bin Bakar (UKM), Ahmad Mujni Nassaruddin (UM), Najib Samah (UM), Harun Abd. Aziz (UKM), Abdul Kadir Mat Yazif (UM) dan Abdul Rahman Haji Din (UM).

Satu lagi aktiviti yang dijalankan yang digalungkan dalam aktiviti asas PBB (bidang akademik) ialah apa yang dinamakan Nadi

Kreatif yang berupa ceramah, perbahasan dan syarahan serta Nadi Bimbingan. Ceramah pelajaran diadakan sebagai persediaan bagi ahli-ahlinya menghadapi peperiksaan. Penceramah-penceramah biasanya terdiri dari guru-guru di sekitar Alor Setar dan juga penceramah-penceramah undangan dari universiti tempatan serta penceramah dari Jabatan Pelajaran. Selain dari ceramah pelajaran ceramah ugama juga diadakan untuk ahli-ahli. Ceramah ini diadakan pada tiap-tiap malam Jumaat di mana ceramah diberi oleh penceramah dari Pusat Dakwah Negeri Kedah.

PBB juga menganjurkan pertandingan perbahasan antara PBB dengan sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan. Pada sesi 1983/84 PBB telah berjaya masuk ke peringkat akhir tetapi dikalahkan oleh Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra.

Nadi Bimbingan merupakan Majalah Rasmi PBB yang diterbitkan 3 kali bagi 1 sesi. Sidang redaksinya diwakili oleh ahli sesi akademik dan diketuai oleh Ketua Jawatankuasa Seranta. Tajuk pandangan adalah bebas meliputi sudut pandangan karya kreatif dan sudutan pengalaman serta kritikan.

4.3 Kegiatan PBB Di Bidang Kemasyarakatan

Selain dari bidang pelajaran, PBB juga menjalankan aktiviti-aktiviti di bidang kemasyarakatan. Aktiviti ini dijalankan dengan tujuan untuk menguatkan kerjasama orang ramai sebab matlamat PBB ditubuhkan bukan untuk pelajaran semata-mata. Ini sesuai dengan tujuan ke 4 penubuhan PBB yang terkandung dalam perlumbagaannya iaitu:

Jadual 9

Pencapaian Akademik Ahli PBB Dalam STPM
Dari Tahun 1977 Hingga 1981

KERTAS AM

Tahun	Kedudukan									Tidak Hadir	Jum. Calon
	1	2	3	4	5	6	7	8	9		
1977	1	0	10	7	12	24	8	18	18	1	97
1978	0	1	98	10	12	35	17	9	10	4	107
1979	1	0	3	1	17	26	25	5	26	7	106
1980	0	0	3	1	6	34	14	22	32	2	114
1981	0	0	11	5	6	25	12	12	31	2	104

SEJARAH

Tahun	Kedudukan							Tidak Hadir	Jum. Calon
	A	B	C	D	E	O	F		
1977	0	7	4	20	23	33	14	1	102
1978	0	5	9	17	45	26	3	4	119
1979	0	0	0	2	17	59	25	7	103
1980	0	2	2	3	14	65	23	6	115
1981	0	1	4	3	17	56	18	4	103

ILMU ALAM

Tidak Hadir Jum. Calon

Tahun	Kedudukan							Tidak Hadir	Jum. Calon
	A	B	C	D	E	O	F		
1977	0	0	0	1	5	26	50	5	87
1978	0	0	0	1	3	40	48	4	96
1979	0	0	0	1	7	44	46	9	177
1980	0	0	0	1	2	25	81	5	113
1981	0	0	0	2	1	44	53	4	105

EKONOMI

Tahun	Kedudukan							Tidak Hadir	Jum. Calon
	A	B	C	D	E	O	F		
1977	0	0	0	1	1	40	56	2	100
1978	0	0	0	2	3	19	79	6	109
1979	0	1	0	0	2	15	79	8	105
1980	0	0	0	1	3	23	74	4	115
1981	0	0	0	1	1	23	74	4	103

BAHASA MALAYSIA

Tahun	Kedudukan						Tidak Hadir	Jum. Calon
	A	B	C	E	E	O		
1977	2	9	5	5	25	40	7	93
1978	1	5	9	6	24	51	15	114
1979	0	0	5	6	28	50	12	107
1980	1	0	8	17	34	44	8	104
1981	0	4	2	9	18	55	9	99

Sumber: Dari fail kemajuan pelajaran PBB yang didapati dari Ahli Jawatankuasa Pelajaran

'Untuk memberi semangat persahabatan dan persefahaman di kalangan ahli-ahli juga seluruh masyarakat Malaysia tidak mengira bangsa dan ugama'. Jadi untuk mencapai matlamat ini, PBB telah menjalankan beberapa aktiviti antaranya ialah aktiviti di kalangan ahli PBB sendiri ke arah melahirkan satu masyarakat dan juga aktiviti yang melibatkan masyarakat secara langsung.

Seperti diterangkan dalam bab 3, selain dari bidang akademik sebagai tujuan pokok pelajar datang ke PBB, mereka juga disediakan dengan aktiviti=aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan seharian bagi melengkapkan diri ahlinya sebagai anggota masyarakat, misalnya dengan melatih mereka memasak. PBB menggalakkan ahlinya bergilir=gilir memasak mengemas serta membersihkan persatuan dan asrama serta menjaga ketenteraman. Di waktu pelajar mengadakan kumpulan perbincangan (group discussion), terdapat satu kumpulan yang akan menjalankan tugas masak. Sebagaimana

yang disebutkan di awal bab 3 iaitu PBB mengamalkan konsep berdikari maka di bidang masakan juga PBB tidak terkecuali dari konsep tersebut. PBB tidak mempunyai kakitangan tertentu yang diupah untuk menyediakan makanan pada ahli-ahlinya tetapi ahli-ahli PBB sendiri khasnya ahli I akan memasak makanan untuk semua ahli yang tinggal di asrama. Dalam ertikata yang lain, pelajar sendirilah yang memasak makanan mereka.

Tiap-tiap hari terdapat satu kumpulan yang akan menjalankan "duty" masak dan kumpulan yang tidak terlibat akan mengadakan perbincangan. Kumpulan yang terlibat dengan memasak ini diberi kebebasan untuk menyediakan makanan mengikut selera ahli kumpulan mereka. Tidak ada menu tertentu yang ditetapkan. Di dalam masa "duty" ini juga sekali lagi tergambar konsep berdikari yang diamalkan oleh PBB iaitu berdikari dalam bentuk satu organisasi di mana pelajar lelaki akan pergi ke pasar, membelah kayu api dan sebagainya manakala pelajar perempuan bersama dengan pelajar lelaki dalam satu kumpulan itu akan berganding bahu menyediakan masakan. "Group duty" ini bermula pada pukul 6.00 pagi untuk menyediakan sarapan pagi, pukul 10.30 untuk menyediakan makan tengahari dan pukul 7.45 malam untuk menyediakan makan malam. PBB memberi kepercayaan dan bergantung penuh pada ahli-ahlinya untuk melatih mereka di bidang kemasyarakatan ini. Jika PBB hendak mengadakan sesuatu jamuan maka ahlinya juga yang dipertanggungjawabkan untuk memasak tidak kira samada jamuan itu dihadiri oleh menteri-menteri atau tokoh-tokoh tertentu atau tidak. Pendekata PBB tidak pernah mengupah orang luar untuk menguruskan jamuan yang mereka adakan.



Gambar 3: Gambar menunjukkan 'group duty' sedang bergotong royong menyediakan makan tengahari

PBB juga menghantar ahli-ahlinya untuk memberi kelas bimbingan kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan SRP dan SPM sebagai aktiviti mereka dengan masyarakat. Kawasan yang terlibat ialah di kawasan Pumpong dan juga kelas bimbingan diberi kepada anak-anak pekerja penjara di 'quarters' penjara. Kelas bimbingan diberi seminggu sekali selama sebulan. Bimbingan pelajaran ini diberi secara sukarela atas dasar supaya belia terlibat secara langsung dengan kehidupan masyarakat. Di samping itu tujuan mengadakan aktiviti ini juga ialah untuk menanam semangat kerjasama di antara belia-belia khususnya PBB dengan masyarakat. Dengan adanya jasa bakti sebegini, PBB dapat menabur khidmatnya demi untuk memajukan anak bangsa di bidang akademik dan juga dapat mengeratkan

hubungan silaturrahim dengan masyarakat tempatan.

Satu lagi aktiviti yang dijalankan oleh PBB yang pengkaji masukkan di bidang kemasyarakatan ialah kegiatan "kaji selidik ekonomi". Aktiviti ini dianjurkan oleh jawatankuasa unit-unit dengan tujuan untuk memantapkan pemikiran dan dapat melahirkan ahli yang aktif. Pada sesi 1983/84 3 tajuk telah dipilih untuk dijalankan kajian iaitu:

- a) Projek tanaman padi berkelompok di Asam Jawa (Pendang)
- b) Daerah contoh di Kubang Pasu
- c) Penarik beca di sekitar Alor Setar

Ahli=ahli PBB membuat penyelidikan ini dalam kumpulan dan mereka tinggal di tempat kajian selama seminggu. Apa yang paling utama dalam aktiviti PBB ini ialah usaha mereka menanamkan kesedaran di kalangan masyarakat terutamanya di kawasan luarbandar dalam menyeru mereka supaya menyahut seruan pemimpin=pemimpin dalam menuju ke arah pembangunan. Belia=belia di PBB secara langsung telah menanam semangat yang positif di kalangan masyarakat terhadap polisi pembangunan kerajaan. Mereka sedaya=upaya cuba berusaha untuk merebolusimentalkan masyarakat luarbandar ke arah satu idea moden yang positif terhadap pembangunan dunia luar (iaitu di luar masyarakat itu sendiri) selaras dengan perkembangan zaman.

Walaupun aktiviti PBB ini dibahagikan kepada 2 aspek iaitu bidang akademik dan kemasyarakatan, namun asas utama aktiviti PBB ialah pendidikan iaitu selain dari pendidikan di bidang akademik, PBB juga memberi pendidikan pada ahlinya dalam membentuk satu masyarakat,

pendidikan dengan mengadakan kelas bimbingan serta asas pendidikan juga wujud dalam kaji selidik ekonomi yang mereka jalankan. Pendekata PBB tidak dapat dipisahkan dengan pendidikan dalam setiap aktiviti mereka.

4.4 Kompleks Akademi Rakyat

Satu lagi aktiviti penting yang diusahakan oleh PBB ialah menjalankan usaha ke arah penubuhan Kompleks Akademi Rakyat (KAR) di mana komplek ini akan menjadi lambang untuk mengekalkan 'Reserve Melayu' di bidang pelajaran dengan harapan KAR akan menjadi sebagai pusaka bagi generasi akan datang. Berlandaskan semangat untuk meninggikan lagi tahap pencapaian dan kemajuan PBB lah maka Belia Bimbangan mengasaskan KAR sebuah projek pelajaran yang bercogakatakan 'difikir oleh rakyat, dibangun oleh rakyat dan menjadi tanggungjawab rakyat'.

Idea untuk menukuhan KAR ini bermula pada tahun 1969 oleh ahli-ahli PBB khasnya ahli II dan di antaranya ialah saudara Ismail Saad. Mereka merancang untuk mendirikan sebuah komplek bagi tujuan untuk menjadikannya 'perkampungan ilmu' memandangkan beberapa masalah yang dihadapi oleh PBB. Pada dasarnya PBB adalah tempat untuk belajar dan berorganisasi tetapi pergerakan PBB sedikit sebanyak menghadapi masalah menyebabkan lahirnya idea untuk menukuhan KAR ini. Antara masalahnya ialah:

- a) Masalah pentadbiran
- b) Masalah kewangan
- c) Masalah situasi dan masyarakat

a) Masalah Pentadbiran

Dari segi pentadbiran, PBB menghadapi masalah kerana tidak dapat menjalankan usaha mereka kepada anak bangsa yang memerlukan PBB sebagai tempat untuk menyambung usaha mereka. Permohonan untuk masuk ke PBB semakin bertambah dari masa ke semasa tetapi terpaksa ditolak memandangkan tempat di PBB amat terhad. Sebagai contohnya pada tahun 1981 terdapat kira-kira 200 permohonan telah ditolak. PBB cuma dapat menempatkan 100 orang sahaja pada setiap tahun. Memandangkan kepada masalah inilah maka PBB cuba menujuhkan perkampungannya sendiri agar dapat menampung lebih ramai lagi belia Melayu yang tercicir.

b) Masalah Kewangan

Dari segi kewangan pula PBB menghadapi masalah kerana sewa asrama telah dinaikkan mulai Januari 1982 dari \$715/- kepada \$1,200/- bagi tiga buah asrama dan juga bangunan persatuan. Ini menyebabkan pembiayaan PBB telah meningkat. Oleh yang demikian adalah difikirkan bahawa dengan penubuhan KAR dapat menyelamatkan wang sewaan dan wang sebanyak itu dapat digunakan untuk faedah dan kepentingan PBB.

c) Masalah Situasi dan Masyarakat

Soal situasi dan kemasyarakatan juga merupakan salah satu daripada masalah yang membawa kepada lahirnya usaha untuk menujuhkan KAR. PBB yang terletak di kawasan kediaman dengan keluasan yang terhad menyebabkan beberapa usaha dan rancangan PBB terbantut. Di antara rancangan yang tidak dapat dijalankan ialah rancangan pertanian yang terpaksa dibatalkan kerana ketiadaan tanah yang sesuai untuk

melaksanakan usaha tersebut. Selain dari itu PBB juga memerlukan satu kawasan yang segar untuk menjalankan usaha mereka di mana dengan ini kemungkinan PBB dapat menambahkan jumlah masyarakat yang peka dengan masalah anak bangsanya.

Dalam usaha membangunkan KAR, PBB membawa 3 cita=cita baru iaitu:

- a) Untuk memperbanyakkan intelektual Melayu dalam negara dengan membangunkan semula kaum belia yang tercincir dalam pelajaran dengan memberikan mereka semangat yang baru
- b) Hasrat untuk membendung akhlak dan moral yang tinggi di kalangan muda=mudi dengan diberi asuhan moral yang seimbang sebagaimana yang diperlukan dalam arus pembangunan sekarang ini. Oleh itu KAR dicitakan akan menjadi pusat dakwah rohaniah dan ilmiah yang boleh dipraktikkan dari masa ke semasa
- c) KAR juga dicitakan sebagai pusat yang dapat mengubah sikap dan corak hidup gulungan Melayu dalam usaha menentukan sendiri bentuk penghidupan yang harus dilalui oleh mereka di masa akan datang

Ekoran dari masalah dan cita=cita inilah maka perjuangan untuk menegakkan KAR diteruskan hingga kini dan sentiasa diteliti bagi maksud perencanaan. Perbincangan, taklimat serta rundingan=rundingan sering di adakan. Antaranya ialah taklimat mengenai KAR kepada YAB Menteri Besar

Kedah pada 13hb. Julai 1981, perbincangan dengan Ketua Pergerakan Belia Malaysia pada 6hb. Oktober 1981, taklimat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Kedah pada 22hb. Oktober 1981 dan beberapa taklimat serta perbincangan lagi di mana semua perbincangan, taklimat dan rundingan-rundingan ini adalah untuk projek KAR.

Pada tahun 1980 PBB mula membeli tanah untuk dijadikan tapak KAR. Luas tanah ialah 3 relung 331 jemba 20 kaki. Tanah ini letaknya di km. 6.4, Jalan Langgar, Alor Setar iaitu kira-kira 4 batu dari pusat bandar dan 2 batu dari pekan Langgar. Kedudukannya selari dengan Lebuhraya ASEAN. Tanah ini dibeli dengan harga \$115,000.00 (Seratus lima belas ribu).

Bagi menampung kewangan dalam usaha ke arah KAR ini maka PBB mendapat pinjaman dari Bank Bumiputra Malaysia Berhad sebanyak \$60,000/- di mana bayaran baliknya ialah sebanyak \$1,285.46 sebulan selama 60 bulan (5 tahun) mulai bulan Oktober 1980. Di samping pinjaman ini, PBB juga mendapat bantuan dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sebanyak \$12,000 setiap tahun mulai tahun 1980, sumbangan dari Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Kemajuan Negeri Kedah pada tahun 1980 bagi membiayai menambun tanah sebanyak \$40,000 dari Kerajaan Negeri Kedah sebanyak \$100,000 dan juga dari kutipan derma mulai tahun 1979 hingga 1982 berjumlah \$10,000. Derma ini dikutip dari ahli-ahli PBB ibubapa ahli dan sumbangan derma orang ramai.

Selain dari sumbangan material, KAR juga mendapat sumbangan 'non-material' seperti mendapat bimbingan dari orang perseorangan,

persatuan-persatuan belia dan pertubuhan-pertubuhan akademik di pusat-pusat pengajian tinggi serta dari agensi kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Ibubapa ahli PBB juga telah bersanggupan untuk mendirikan bangunan KAR secara bergotong-royong.

Pada tahun 1981, 2 relung tanah telah ditambun dengan biaya sebanyak \$41,000 dengan ketinggian tambunan ialah kira-kira 1 meter. Satu relung tanah yang belum ditambun disewa kembali kepada tuan tanah. Perasmian dan perletakkan batu asas KAR di tapak KAR telah dilakukan oleh YAB Dato' Sri Dr. Mahathir Mohammad selaku penaung PBB pada 17 April, 1982.

Penubuhan KAR terbahagi kepada 3 peringkat iaitu:

Peringkat 1 = Asrama Lelaki

= Surau

= Dewan makan (sementara)

Peringkat 2 = Asrama Perempuan

= Bangunan Induk

Peringkat 3 = Dewan

Tiap-tiap asrama dianggarkan dapat menempatkan 100 orang ahli.

PBB telah melantik penasihat dari segi plan dan teknik bagi mencapai matlamat ini. Satu rangka plan, bangunan, tataletak dan pembangunan berperingkat akan dikemukakan diketuai oleh Encik Abdul Ghani bin Mohd. Khir, JKR Kedah Utara secara sukarela. Bagi menentukan

projek KAR ini berjalan, PBB telah menubuhkan satu jawatankuasa khas tapak KAR di mana jawatankuasa ini adalah di bawah AJKP.

Adalah menjadi cita-cita PBB khasnya KAR untuk memperluaskan bidang kegiatan mereka bukan setakat bidang akademik biasa (kursus STPM) tetapi direncanakan bidang ilmu yang lain seperti kursus kepimpinan Islam, kegiatan di bidang sosial, kebudayaan dan ekonomi. Selain dari itu KAR juga direncanakan akan memberi tempat yang istimewa selain dari mempelajari Bahasa Malaysia sebagai bahasa wajib berserta bahasa Inggeris.

KAR disifatkan sebagai 'hasil fikiran rakyat yang dibangunkan oleh rakyat dan menjadi amanah rakyat'. Atas perjuangan inilah mereka beranggapan KAR bukanlah menjadi milik PBB semata-mata tetapi sebaliknya KAR akan menjadi lambang perpaduan Melayu, simbol muafakat bangsa.



Gambar 4: Gambar menunjukkan Batu Asas KAR yang dirasmikan Oleh Datuk Sri Dr. Mahathir

NOTAKAKI

- * Di waktu ini tingkatan 6 rendah belum ada kerana pengambilan biasanya diadakan pada pertengahan April.

BAB V

PBB DAN RANCANGAN MASA DEPANNYA

5.1 Kejayaan kejayaan PBB

Sebagai sebuah pertubuhan yang berlandaskan konsep 'sukarela', 'gotong-royong' dan 'berdikari', PBB dengan ahlinya yang semakin bertambah dari sehari ke sehari telah bergerak bagi menjayakan aktiviti yang dirancang. Ahli-ahlinya bersatu dan berganding-bahu sesama mereka bagi menaikkan ^{dan} prestasi PBB. Penyatuan di kalangan ahli ini telah memberi kesan terutamanya mengenai dasar dan polisi persatuan. Ini jelas di mana dengan adanya penyatuan di kalangan ahli, segala dasar dan polisi yang ditetapkan oleh AJKP dapat berjalan dengan lancar sehingga beberapa kejayaan yang diperolehi oleh PBB dapat dilihat dengan jelas.

Antara kejayaan yang dicapai oleh PBB ialah penghormatan yang diterima dari pihak kerajaan. Pihak kerajaan khasnya Kerajaan Negeri Kedah telah memberi kepercayaan pada PBB untuk mengurus serta menyelenggarakan beberapa aktiviti di peringkat negeri. Di antara aktiviti itu ialah menyelenggarakan program sambutan Hari Kebangsaan dan juga Sambutan Hari Belia yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Unit Dakwah PBB telah menyelenggarakan Musabaqah Membaca Quran di peringkat negeri dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Kedah. Pada tahun 1983 terdapat sebanyak 21 kumpulan telah mengambil bahagian dalam musabaqah ini dan PBB berharap ianya dapat dijadikan aktiviti tahunan mereka.

PBB juga berjaya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pergerakan pelajar khasnya pergerakan di peringkat negeri. Penglibatan PBB yang terbesar di bidang ini ialah menganjurkan Pertandingan Bahas di peringkat belia.

Pertandingan ini diadakan tiap-tiap tahun dengan disertai oleh sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan di sekitar Alor Setar. PBB juga mengadakan Seminar STPM dengan menjemput pensyarah-pensyarah dari universiti tempatan serta guru-guru di Alor Setar.

Beberapa orang ahli PBB pula telah dipilih oleh pihak Kerajaan Malaysia sebagai peserta dalam rancangan pertukaran belia. Antara rancangan pertukaran itu ialah Rancangan Pertukaran Belia Asean dan Pertukaran Belia Asian ke Jepun. Mereka yang terlibat ialah Encik Yusof bin Bakar (1977), Encik Ayob bin Hussein (1978) dan Encik Ahmad bin Saad (1980). Cik Jamaliah Jaafar pula telah dipilih sebagai peserta dalam program belia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Seorang lagi ahli PBB iaitu Encik Abdul Rahman bin Ahmad telah dihantar oleh Kerajaan Malaysia sebagai salah seorang peserta yang mewakili Malaysia dalam Seminar Belia Asean di Manila pada tahun 1977. Pemilihan beberapa orang ahli PBB dalam beberapa program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menggambarkan betapa ahli PBB telah diberi kepercayaan, keyakinan serta penghormatan oleh pihak kerajaan.

Bagi mengenalkan PBB kepada masyarakat luar, satu filem rencana telah dibuat. Liputan filem ini diusahakan oleh Perbadanan Filem Negara Malaysia bertajuk "Berilmu dan Berdikari". Pengambaran

filem dibuat pada 4 Januari 1983 hingga 20 Januari 1983. Filem yang menelan belanja \$806/- ini menggambarkan secara ringkas tentang kehidupan dan aktiviti harian di PBB, Sejarah PBB, kerja-kerja kebajikannya dan kebudayaan hidup PBB yang mementingkan konsep 'Solidarity'. Ini semua menggambarkan betapa PBB diberi publisiti bagi menarik minat lebih ramai lagi kaum belia untuk berpersatuan dan mengelakkan mereka dari menganggur. PBB juga mendapat publisiti di mata akhbar luar negeri. Contohnya pada 11.7.78 berita tentang PBB ada disiarkan dalam Majalah 'Horizon' yang diterbitkan di Manila. Mengikut pendapat Jim Gibbons iaitu penulis berita ini di Manila,

"PBB adalah satu persatuan yang mana aktivitinya adalah satu percubaan ke arah menampung kecinciran".¹

Berdasarkan kepada kejayaan-kejayaan PBB dan berlandaskan pada prestasi yang baik yang ditunjukkan oleh PBB maka PBB telah berjaya memenangi Kurnia Belia Jaya tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 1973, 1974 dan 1975. Ini merupakan satu kejayaan terbesar pada pihak PBB di mana dengan pengurniaan ini PBB mendapat \$3,000 sebuah perisai, sijil pengurniaan dan PBB berhak menggunakan huruf ringkas K.B.J. (ringkasan dari Kurnia Belia Jaya) di hujung nama persatuannya.

Pengurniaan ini menunjukkan betapa prestasi PBB sebagai sebuah pertubuhan telah diberi nilai. Antara kriteria penilaian yang diberi untuk mendapat K.B.J. ialah:

- a) Kemajuan Pembangunan Pergerakan Belia - 30%

- | | |
|------------------------------------|-------|
| b) Kemajuan Pembangunan Ekonomi | = 40% |
| c) Kemajuan Pembangunan Masyarakat | = 20% |
| d) Prestasi Keseluruhan | = 10% |

Ahli-ahli PBB boleh dikatakan terdapat dalam berbagai sektor kerajaan dan swasta sekarang ini. Antara ahli PBB, ada yang berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah iaitu seperti YB Tuan Haji Hanafi Ramli iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tunjang, Kedah dan YB Encik Yusof Abdul Rahman ADUN Kawasan Jerlun.

Seorang lagi ahli PBB iaitu Encik Halim bin Abu Bakar sekarang menjadi Pengarah Pusat Latihan Belia Kebangsaan di Pertak, 7 orang ahli PBB menjadi Pegawai Tadbir Negeri Kedah dan 10 orang terlibat dalam agensi separuh kerajaan seperti MARA, UDA dan FELDA dan 98 darinya menjadi guru yang berijazah. Seorang darinya sedang membuat Ph.D di Amerika dalam bidang Ekonomi Pertanian dan seorang di German membuat 'Mechanical Engineering'.

Untuk melihat dengan lebih jelas pencapaian ahli PBB, di dalam jadual 10 diperturunkan data-datanya.

Dari jadual ini didapati bahawa ahli PBB yang masuk ke universiti pada tahun 1970 ialah sebanyak 4 orang dan jumlah ini meningkat kepada 15 orang pada tahun 1971. Kemasukan 4 orang pada tahun 1970 adalah merupakan kemasukan pertama selepas PBB ditubuhkan pada tahun 1969 dan kemasukan ini semakin bertambah pada 6 tahun berikutnya apabila PBB semakin kukuh kedudukannya. Walau bagaimanapun

Jadual 10

Pencapaian Ahli-ahli PBB Dari Tahun 1970-1983

Tahun	Universiti	Maktab	ITM	IKM	Bekerja
1970	4	5	-	-	40
1971	15	17	2	1	33
1972	13	21	1	-	60
1973	15	26	4	-	73
1974	18	27	8	1	87
1975	15	26	-	2	90
1976	15	56	-	-	98
1977	8	5	-	-	114
1978	9	11	-	-	123
1979	5	3	-	-	150
1980	3	4	1	-	162
1981	3	8	-	-	139
1982	6	7	-	1)	
1983	8	10	-	1)	*
Jumlah	137	226	16	6	1,000

* = PBB tidak mencatatkan jumlah ahli yang bekerja bagi tahun 1982 dan 1983 kerana tidak dapat menghubungi ahli (dibincangkan lebih lanjut dalam bab 6)

pada tahun-tahun seterusnya iaitu dari tahun 1977 hingga tahun 1983 kemasukan ahli PBB ke universiti semakin berkurangan hingga menjadikan 8 orang sahaja yang masuk ke universiti pada tahun 1983. Kemerosotan

ini adalah kerana adanya perbezaan dari segi darjah kematangan ahli-ahli lama dan baru dan juga perbezaan dari segi pengaruh orientasi pemikiran ahli. Kalau dulu, ahli=ahli PBB kebanyakannya adalah terdiri daripada mereka yang pernah menganggur, pernah bersawah dan pernah mengalami jatuh=bangun dalam hidupnya, jadi sudah tentulah mereka ini mempunyai semangat dan azam yang kuat berbanding dengan ahli=ahli baru yang kebanyakannya terdiri dari mereka yang masih lagi baru keluar dari alam persekolahan. Suasana dan orientasi persekolahan ini lebih mempengaruhi organisasi PBB dan kerap kali penyelesaian terhadap masalah yang timbul dilakukan seperti di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun kekurangan jumlah ahli yang masuk ke universiti diimbangi dengan jumlah ahli yang bekerja di mana jumlah ahli yang bekerja semakin bertambah dari tahun ke tahun. Pada tahun 1970, ahli yang bekerja cuma 40 orang sahaja tapi pada tahun 1980 ahli yang bekerja meningkat sebanyak 162 orang.

5.2 Pendapatan dan Perbelanjaan PBB

Sebagai sebuah pertubuhan belia yang ingin membangunkan ahlinya khasnya dalam bidang pendidikan, PBB tidak banyak memberatkan ahli dalam hal=hal pelaksanaan dan pembangunan PBB khasnya dari segi kewangan. Persatuan Belia Bimbingan cuma mengenakan yuran yang rendah di kalangan ahli I iaitu sebanyak \$60/= sebulan meliputi yuran untuk pembelajaran, bayaran makanan, tempat tinggal dan lain=lain kemudahan untuk ahli. Jumlah wang yang sekecil ini sudah tentulah tidak mencukupi untuk mentadbir sebuah pertubuhan seperti PBB. Memandangkan hal ini maka

PBB mendapat sumbangan-sumbangan dari kerajaan negeri. Dapat dikatakan bahawa PBB mempunyai perhubungan yang rapat dengan kerajaan negeri khasnya dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (di Alor Setar).

Antara sumbangan kewangan yang diterima oleh PBB untuk pelaksanaan programnya dan untuk pembangunan PBB seluruhnya ialah sumbangan dari Kerajaan Negeri Kedah sebanyak \$100,000, sumbangan dari Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Kerajaan Negeri Kedah sebanyak \$40,000 pada tahun 1980, sumbangan dalam bentuk pinjaman wang dari Bank Bumiputra Malaysia Berhad sebanyak \$60,000 bagi membiayai projek KAR. Selain dari itu PBB juga mendapat bantuan kewangan sebanyak \$12,000 setahun dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan bantuan ini diberi pada tiap-tiap tahun. Pada sesi 1983/84 Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan juga telah memberi bantuan sebanyak \$21,000 kepada PBB. PBB juga mendapat bantuan kewangan dari sumbangan derma ahli-ahli II yang telah bekerja. Walaupun PBB memerlukan wang untuk pelaksanaan aktivitiya tetapi PBB enggan menerima bantuan kewangan dari mana-mana badan politik kerana PBB tidak mahu terikat dengan politik sebaliknya mahu mengwujudkan sebuah pertubuhan yang bebas. Segala bantuan kewangan PBB digunakan untuk melaksanakan segala aktiviti yang telah dirancangkan oleh AJKP.

Dari jadual 11 menunjukkan bahawa pendapatan PBB pada 3 bulan pertama adalah melebihi dari perbelanjaan. Ini adalah kerana pada awal tahun, PBB tidak banyak mengeluarkan perbelanjaan. Ini disebabkan ahli-ahli I PBB yang ada pada ketika ini cuma ahli dari

Jadual 11

Pendapatan Dan Perbelanjaan PBB Bagi
Sesi 1982/83 Dari Januari Hingga Julai 1983

Bulan	Pendapatan (\$)	Perbelanjaan (\$)
Januari	11,000	3,000
Februari	10,000	3,000
Mac	17,000	5,000
April	12,000	18,000
Mei	6,000	7,000
Jun	4,000	8,000
Julai	3,000	5,000
Jumlah	63,000	49,000

tingkatan 6 atas dan sebilangan kecil ahli dari tingkatan 6 rendah (yang mana pengambilan mereka ialah pada bulan Januari). Jadi aktiviti PBB tidak banyak berjalan pada bulan-bulan ini kecuali kelas sahaja berjalan seperti biasa. Pendapatan PBB meningkat pada \$17,000 pada bulan Mac kerana di bulan ini PBB mendapat bantuan tahunan dari KKBS sebanyak \$12,000. Perbelanjaan PBB yang terbanyak sekali ialah pada bulan April iaitu sebanyak \$18,000. Ini adalah kerana di bulan April banyak aktiviti-aktiviti PBB yang berjalan seperti Malam Perjumpaan Agung, Mesyuarat Agung Tahunan kemasukan/pengambilan ahli-ahli baru yang memasuki tingkatan 6 rendah serta minggu orientasi. Jadi di bulan April wang banyak dibelanjakan, namun ia tidak menjejaskan imbalan kewangan PBB.

5.3 Rancangan Masa Depan PBB

Bagi memaju dan mengembangkan lagi PBB beberapa rancangan dan strategi telah diatur oleh pihak AJKP agar matlamat pembangunan PBB dapat dicapai. Satu daripada rancangan besar PBB di masa depan ialah untuk melihat KAR wujud dan tegak di tapak yang telahpun dibeli sejak dari tahun 1980 lagi. Ini melibatkan soal kewangan dalam PBB. Mengikut jangkaan yang dibuat, pada bulan Oktober 1985 ini pinjaman PBB kepada Bank Bumiputra akan selesai dibayar (mengikut perjanjian 1980). Dengan ini PBB mempunyai kewangan yang agak kukuh untuk melaksanakan pembangunan projek KAR. Bagi menambah tabung kewangan, PBB merancang beberapa strategi, antaranya melipatgandakan usaha menerbitkan makalah-makalah yang berbentuk akademik untuk dijual. Kertaskerja yang dihasilkan dari kumpulan perbincangan yang dianggap baik oleh pembimbing dan juga kertaskerja yang diterbitkan oleh Badan Perundingan (telah dibincangkan dalam bab 4) akan dibukukan dan dijual di sekolah-sekolah di sekitar Alor Setar. Selain dari itu kertaskerja yang dihasilkan dalam seminar, simposium dan sebagainya yang dianjurkan oleh PBB juga akan dibukukan dan dijual. Walaupun kekurangan kewangan, PBB telah menetapkan bahawa mereka tidak akan meminta derma di kalangan ibubapa ahli kerana pengutipan derma ini akan membebankan ibubapa. Sebaliknya PBB akan melipatgandakan usaha mengutip derma di kalangan orang ramai dan para dermawan.

Dalam bidang akademik juga PBB ada menetapkan rancangan masa depannya bagi meninggikan prestasi akademik di kalangan ahli-

ahli. Antara rancangan yang diatur di bidang akademik ini ialah dengan merapatkan jurang perbezaan dari segi darjah kematangan dan orientasi pemikiran ahli. Hal ini akan dilakukan sejak dari ahli mula masuk lagi iaitu di Minggu Haluan PBB. Dalam Minggu Haluan ini PBB akan menjemput ahli=ahli lama yang berjaya masuk ke universiti untuk menceritakan pahit maung pengalaman hidup mereka dan bagaimana cara mereka belajar di PBB. Ahli=ahli ini juga akan diminta agar sentiasa datang mengunjungi PBB dan seterusnya memberi tunjukajar pada ahli=ahli I.

Selain dari itu PBB juga merancang untuk menambahkan buku=buks yang ada di perpustakaan dengan cara membelinya berdikit=dikit dan juga meminta sumbangan buku dari orang=orang kenamaan dan juga dari ahli=ahli II PBB. Sehingga kajian ini dibuat (April 1984), terdapat 4 orang kenamaan yang telah menjanjikan untuk memberi sumbangan bagi menambahkan buku=buku di perpustakaan PBB. Mereka ialah YB Tan Sri Dato' Haji Abdul Khalid bin Awang (Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah), Encik Fadzil Noor (Timbalan Yang Dipertua Agung PAS) dan orang dermawan iaitu Encik Ismail bin Ahmad dan Encik Jamaludin Abdul Rahman.

PBB juga merancang untuk mengadakan "Bengkel STPM" pada tiap-tiap tahun iaitu pada bulan Oktober dengan menjemput penceramah=penceramah yang terdiri dari pensyarah=pensyarah dari universiti tempatan.

Dari segi hubungan antara ahli, PBB juga merancang untuk merapatkan lagi ahli=ahlinya khasnya ahli I dan ahli II. Seperti yang

telah dinyatakan bahawa ahli=ahli II tidak banyak mengambil bahagian dalam aktiviti=aktiviti PBB setelah mereka meninggalkan PBB kecuali mereka yang ada memegang jawatan atau yang pernah memegang jawatan sebelum waktunya di PBB. Oleh itu PBB merancang untuk mengumpul semula ahli persatuan dalam bentuk keluargaan yang lebih rapat iaitu dengan cara melantik ahli II dengan lebih banyak lagi sebagai penyokong utama satu=satu aktiviti. Dengan terlantiknya mereka maka ahli II akan sering datang ke PBB melaksanakan program yang akan disertai oleh ahli=ahli I. Jadi di sini hubungan antara ahli II dan ahli I akan terjalin.

Berdasarkan pada rancangan=rancangan masa depan PBB dapatlah dikatakan bahawa PBB cuba mengukuhkan lagi persatuannya dengan cadangan untuk membaiki kelemahan=kelemahan yang ada agar PBB dapat terus maju setanding dengan persatuan=persatuan yang lain bagi mencapai matlamat yang dirancangkan.

5.4 PBB Sebagai Sebuah Organisasi

Sebagai sebuah organisasi sukarela, PBB terletak di antara dua kategori iaitu antara kategori 'Sekolah swasta' dengan 'pertubuhan belia'. PBB yang menjadikan bidang pendidikan sebagai aktiviti utamanya tidak dapat digolongkan sebagai 'Sekolah swasta' kerana terdapat beberapa perbezaan antara PBB dengan sekolah swasta (telah dibincangkan dalam bab 3). PBB juga tidak boleh untuk digulungkan sebagai sebuah pertubuhan belia kerana sifatnya tidak seperti pertubuhan belia yang ada.